



DR 3 TAHUN 2017  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (myIMMs)  
– KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (myIMMs) OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b>	<b>1-19</b>
2	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>20-21</b>
3	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
4	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	
5	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	

**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN  
BERHUBUNG PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA  
(myIMMs) DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)**

**1. PENDAHULUAN.**

Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 6 September 2016 iaitu dalam prosiding Bilangan 17/2016.

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung pelaksanaan myIMMs oleh Jabatan Imigresen Malaysia bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa;
- ii. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;
- iii. Menentukan sama ada prosedur perolehan Kerajaan dibuat sewajarnya dan mengikut peraturan yang ditetapkan;

### **3. SKOP DAN METODOLOGI.**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, JAN selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem myIMMs ini iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ketua Pengarah (KP) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

#### **4. LATAR BELAKANG PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (*myIMMs*).**

- 4.1 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah salah sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran dokumen perjalanan dan kawalan pergerakan keluar/masuk warganegara dan warga asing dari/ke Malaysia.
- 4.2 MyIMMs adalah sistem teknologi maklumat JIM yang dibangunkan bagi menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders*. MyIMMs merangkumi 3 komponen utama iaitu aplikasi, rangkaian dan pusat data.

Ketiga-tiga komponen ini membolehkan pengguna melaksanakan proses kemasukan, pemprosesan, pengesahan, penghantaran dan pemyimpanan maklumat dari pejabat Imigresen ke pangkalan data dan sebaliknya.

Ketiga-tiga komponen utama myIMMs ini dipasang di semua Pejabat Imigresen di seluruh negara, semua Pejabat Atase Imigresen di luar negara dan juga boleh diakses oleh agensi luar.

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), telah meluluskan pelantikan HeiTech Padu Berhad secara rundingan terus bagi kontrak myIMMs bernilai RM29.9 juta. Kontrak telah ditandatangani pada 1 November 2010 antara Kerajaan dengan HeiTech Padu Berhad bagi tempoh satu tahun mulai 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011.

## 5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, JAN kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KDN, KP JIM, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JIM dan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod JIM dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### 5.1. Penjelasan Awal Wakil Ketua Audit Negara.

Wakil Ketua Audit Negara telah memaklumkan tujuan utama sistem *myIMMs* ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholder* yang melibatkan urusan keluar masuk sama ada pekerja asing ataupun pelawat-pelawat ke Malaysia.

Skop pengauditan yang dilaksanakan ialah dengan memeriksa dan menyemak dokumen, analisis data serta menemubual pegawai-pegawai di pusat-pusat yang dipilih untuk diaudit. Seterusnya penemuan dan isu Audit yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- i. Proses perolehan *myIMMs* telah dibuat sebelum mendapat kelulusan JTICT MAMPU dan kertas

makluman tidak dikemukakan kepada JTICT MAMPU untuk pandangan teknikal mengenai komponen ICT;

- ii. Tempoh perjanjian lebih awal daripada kelulusan rundingan terus MoF dan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).
- iii. Pembayaran bagi 18 baucar bayaran bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian.
- iv. Kemudahan biometrik *myIMMs* bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warganegara Malaysia.
- v. *MyIMMs* tidak mempunyai kemudahan *Agency Link-Up* dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memeriksa kesahihan data dan status hidup/mati majikan.
- vi. Bagi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT), penemuan adalah seperti berikut:
  - Kontrak tidak menyatakan bilangan pegawai yang menjalankan UAT;
  - UAT hanya dilaksana oleh satu atau dua orang pegawai Imigresen sahaja bagi setiap modul dan

tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut;

- Surat Akuan Penerimaan (SAP) ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan, tidak disahkan oleh Pegawai Imigresen dan tanpa UAT; dan
- Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test*.

- vii. Tiada Laporan Ujian Penerimaan Sementara (PAT) bagi sistem Visa Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang dan Sistem SDPKI.
- viii. Kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu yang bertempat di Kelana Jaya. Bagaimanapun perkhidmatan pemulihan bencana tersebut hanya beroperasi selama 8 bulan dengan kos sejumlah RM1.8 juta kerana JIM tidak mempunyai peruntukan untuk meneruskannya.
- ix. Ujian pemulihan bencana pertama dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana (BTMR) JIM pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya Selangor. Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor bagaimanapun bayaran

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (*myIMMs*) DI BAWAH  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

berjumlah RM50,000.00 telah dibuat pada 25 Ogos 2011.

- x. Laporan yang dijana melalui modul *eReporting myIMMs* tarikh yang berlainan telah menunjukkan bilangan cetakan pelekat PLKS bagi tahun 2013 dan 2014 berbeza.
- xi. Melalui analisis data seramai 3,527 orang pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus *unfit*.
- xii. Sebanyak 8,975 permohonan lanjutan PLKS melalui sistem MyEG bagi tahun 2013 dan 2014 telah diluluskan oleh pengendali MyEG secara automatik dan atas talian tanpa semakan dan kelulusan pegawai Imigresen.
- xiii. Pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. KDN telah melaksanakan tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara melalui *Immigration Security Clearance (ISC)* oleh S5 Systems Sdn. Bhd. dengan caj RM105 bagi setiap warga asing. Selain itu pemeriksaan kesihatan di negara asal serta permohonan VDR melalui biometrik dan eVDR oleh Bestinet Sdn. Bhd. dengan caj sejumlah USD30 bagi setiap warga asing bermula 15 Jun 2015 di semua negara sumber. *One Stop Center (OSC)* bertanggungjawab menerima permohonan daripada orang awam dan agen dengan caj sejumlah

RM100. Manakala VLN beroperasi sebagai sistem sokongan untuk memproses permohonan visa dengan caj sejumlah RM105. Tiada sebarang kontrak rasmi dibuat antara Kerajaan dengan pengendali kecuali pengendali VLN.

## 5.2 KETERANGAN OLEH KSU KDN.

Dato' Sri Alwi Bin Haji Ibrahim, KSU KDN memaklumkan KDN sebagai satu Kementerian yang diberi tanggungjawab terhadap aspek keselamatan dan juga ketenteraman awam sentiasa peka terhadap tugas dan tanggungjawab ini. KDN telah menghadiri sesi exit conference pada 10 Mac 2016 dan sesi town hall bersama Yang Berhormat Ketua Setiausaha Negara (KSN) dengan pihak media berkaitan laporan ini pada 24 Mei 2016. Dalam kedua-dua sesi ini KDN telah memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sehubungan itu KDN telah pun menubuhkan *task force* untuk mengambil tindakan susulan terhadap perkara-perkara tersebut.

## 5.3 KETERANGAN OLEH KP JIM.

Dato'Sri Mustafa bin Haji Ali, KP JIM memaklumkan LKAN telah membangkitkan 21 isu dan JIM telah menyelesaikan 9 isu manakala 12 isu masih dalam tindakan. Isu-isu yang berstatus selesai adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian Fizikal;
- ii. Pencapaian Kewangan;
- iii. Pengurusan Projek;
- iv. Tempoh perjanjian;
- v. Agensi Link-up;
- vi. Perkhidmatan Pemulihan Bencana;
- vii. Sistem aplikasi e-services;
- viii. Ujian Pemulihan Bencana; dan
- ix. Pengurusan dan pengambilan pekerja asing di negara sumber.

#### **5.4 PENEMUAN PAC PARLIMEN.**

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

##### **a. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Lengkap.**

Pembayaran bagi 18 baucar bayaran bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian. Antara dokumen yang tidak disertakan seperti Laporan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT), Laporan Ujian Penerimaan Sementara (PAT), laporan Ujian Penerimaan Akhir (FAT), Surat Akuan Penerimaan Akhir, Laporan System Integration Test (SIT), Dokumen spesifikasi Keperluan Sistem, Dokumen System Study, Database Design, Entity Relation Diagram, Source Code dan sebagainya.

**Maklumbalas JIM.**

Semasa pembayaran dokumen sokongan lengkap bagi 18 baucar bayaran telah disediakan. Bagaimanapun akibat perpindahan pejabat berlakunya kelewatan dalam menggemarkan dokumen tersebut semasa pengauditan.

**b. Kemudahan Biometrik.**

Kemudahan biometrik myIMMs bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warganegara Malaysia. Sebaliknya menggunakan kemudahan biometrik yang telah dipasang dan diguna pakai adalah National Enforcement And Registration Biometric System (NERS) yang telah dibangunkan dibawah perjanjian konsesi bernilai RM912 juta bagi tempoh 12 tahun.

**Maklumbalas JIM.**

Kemudahan biometrik telah pun dipasang di depot tahanan Imigresen. Nilai RM10.3 juta adalah merangkumi peralatan, sistem dan pemasangan di depot-depot tahanan. Ianya digunakan bagi tujuan pengambilan biometrik pendatang tanpa izin. Pada

16 Ogos 2010, Kerajaan telah membuat keputusan melalui Mesyuarat Biometrik Warga Asing yang dipengerusikan oleh KSU KDN dan Mesyuarat Pemandu MyIMMs Bil. 1/2011 bertarikh 8 Februari 2011 telah menganugerahkan kontrak NERS bertujuan merekodkan cap jari pelawat asing di pintu-pintu masuk negara bermula 1 Jun 2011. Teknologi sistem yang digunakan oleh myIMMs adalah Sagem manakala NERS menggunakan teknologi Dermalog. Oleh kerana teknologi yang digunakan oleh kedua-dua sistem tersebut berbeza maka JIM terpaksa menukar peralatan di depot-depot tahanan kepada sistem yang menggunakan teknologi Dermalog supaya sistem yang dibaca di pintu-pintu masuk negara boleh dibaca di depot-depot tahanan apabila PATI-PATI dibawa kesana. Peralatan sistem yang berteknologi Sagem telah dipindahkan ke pejabat-pejabat passport kerana ianya menggunakan sistem berteknologi Sagem.

Selain itu, server-server yang digunakan untuk tujuan Sagem telah digunakan untuk tujuan pembangunan aplikasi dalaman JIM seperti sistem e-Kuarters JIM4U, e-InfoProjek, fail meja, e-tempahan, e-gerak dan i-Mintra.

**c. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT).**

Berdasarkan kepada perjanjian, UAT hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Penemuan adalah seperti berikut:

- Kontrak tidak menyatakan bilangan pegawai yang menjalankan UAT;
- UAT hanya dilaksana oleh satu atau dua orang pegawai Imigresen sahaja bagi setiap modul dan tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut;
- Surat Akuan Penerimaan (SAP) ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan, tidak disahkan oleh Pegawai Imigresen dan tanpa UAT; dan
- Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test*.

**Maklumbalas JIM**

JIM memang melaksanakan UAT dengan teliti bersama pengguna-pengguna bagi setiap modul kerana ianya melibatkan *Functional of the module*. Pengesahan ujian UAT ditandatangani oleh setiap pengguna dan sijil penerimaan UAT telah dikeluarkan. JIM hanya melaksanakan *stress test* berskala kecil dan ianya berjaya. Sehingga kini

**pihak JIM tidak menghadapi sebarang masalah walaupun mempunyai transaksi yang banyak.**

**d. Ujian Penerimaan Sementara.**

Tiada Laporan Ujian Penerimaan Sementara (PAT) bagi sistem Visa Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang dan Sistem SDPKI.

**Maklumbalas JIM.**

**PAT telah dilaksanakan dan telah disahkan melalui Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor.**

**e. Ujian Pemulihan Bencana.**

Ujian pemulihan bencana pertama dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana (BTMR) JIM pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya Selangor. Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor.

**Maklumbalas JIM.**

**Bengkel ujian pertama pemulihan bencana telah dilaksanakan pada 2010. Mesyuarat Jawatankuasa**

Teknikal *myIMMs* pada 2010 telah dipengerusikan oleh mantan KSU KDN dan bengkel-bengkel berterusan juga telah diadakan pada penghujung tahun 2010 bagi mengenal pasti penambahbaikan pelaksanaan ujian kedua. Bengkel-bengkel tersebut telah melibat pihak MAMPU bagi memastikan pelan pemulihan bencana dilaksana dan diambil tindakan.

**f. Perkhidmatan Pelan Pemulihan Bencana.**

Kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu yang bertempat di Kelana Jaya. Bagaimanapun perkhidmatan pemulihan bencana tersebut hanya beroperasi selama 8 bulan dari Julai 2010 sehingga Februari 2011 dengan kos sejumlah RM1.8 juta kerana JIM tidak mempunyai peruntukan untuk meneruskannya.

**Maklumbalas JIM.**

**Bermula tahun 2014 Pelan Perkhidmatan Pemulihan Bencana telah dilaksanakan dengan menggunakan *Disaster Recovery Center (DRC)* di bawah MAMPU yang terletak di Petaling Jaya.**

**g. Integriti Data.**

Berdasarkan laporan yang dijana melalui modul eReporting *myIMMs* tarikh yang berlainan iaitu pada 30

April 2015 dan 14 Januari 2016 menunjukkan bilangan cetakan pelekat PLKS bagi tahun 2013 dan 2014 berbeza sebanyak 315 dan 460.

**Maklumbalas JIM.**

Perbezaan data adalah disebabkan oleh *migration of data*. Oleh itu penambahbaikan dalam modul eReporting telah diambil dengan melaksanakan *change of request* bagi mengubah kaedah pelaporan dalam sistem *myIMMs*, ujian penjanaan data untuk penghasilan statistik, pengeluaran PLKS.

**h. Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing.**

Setiap pekerja asing perlu membuat pemeriksaan kesihatan. Melalui analisis data seramai 3,527 orang pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus *unfit*. Sistem menyediakan kemudahan yang membolehkan pegawai penyelia/kanan override status *unfit* untuk membenarkan pekerja asing diluluskan PLKS.

**Maklumbalas JIM.**

Pemeriksaan kesihatan pekerja asing dilaksanakan oleh pihak FOMEMA. Setiap keputusan dalam laporan perubatan dihantar kepada JIM melalui atas talian yang mana ia disahkan tepat dan terjamin.

Keputusan tersebut akan diketahui oleh pihak majikan dalam tempoh 10 hari secara *online*. Sekiranya keputusan berstatus unfit, majikan boleh memohon untuk membuat semakan semula dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan dikeluarkan. Sekiranya keputusan daripada pihak FOMEMA mengesahkan bahawa penyakit yang yang dihadapi oleh pekerja asing bukanlah daripada kategori penyakit berjangkit seperti diabetes, darah tinggi atau asma, majikan boleh mengemukakan permohonan semula kepada Jawatankuasa Rayuan Imigresen (JKRIM) untuk mempertimbangkan kelulusan pengeluaran atau lanjutan pas lawatan kerja sementara. JKRIM dipengerusikan oleh KP atau Timbalan Ketua Pengarah (TKP) JIM hanya membenarkan kelulusan pengeluaran PLKS setelah berpuas hati bahawa pekerja asing tersebut tidak akan menimbulkan risiko penularan jangkitan wabak penyakit. Manakala pelaksanaan pemeriksaan kesihatan di negara sumber melalui BioMedical bermula 15 Jun 2015 adalah sebagai salah satu langkah terbaru bagi memastikan hanya pekerja yang disahkan sihat sahaja dikeluarkan visa dengan rujukan ataupun VDR untuk memasuki Malaysia dengan tujuan bekerja.

**i. Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing.**

Pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. Lawatan ke Jakarta, Bangladesh dan Nepal mendapati KDN melaksanakan tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara melalui *Immigration Security Clearance (ISC)* oleh S5 Systems Sdn. Bhd. dengan caj RM105 bagi setiap warga asing bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod Bio-SL ataupun senarai hitam. Kerajaan juga menetapkan pemeriksaan kesihatan di negara asal serta permohonan VDR melalui biometrik dan eVDR oleh Bestinet Sdn. Bhd. dengan caj sejumlah USD30 bagi setiap warga asing bermula 15 Jun 2015 di semua negara sumber. One Stop Center (OSC) bertanggungjawab menerima permohonan daripada orang awam dan agen dengan caj sejumlah RM100. Manakala VLN beroperasi sebagai sistem sokongan untuk memproses permohonan visa dengan caj sejumlah RM105. Tiada sebarang kontrak rasmi dibuat antara Kerajaan dengan pengendali kecuali pengendali VLN.

**Maklumbalas JIM.**

JIM sedang memperkemaskan draf perjanjian berhubung dengan 4 pengendali yang telah dilantik oleh Kerajaan.

**j. Keselamatan Sistem *myIMMs*.**

Langkah yang diambil oleh JIM bagi memastikan keselamatan bagi sistem *myIMMs* terjamin.

**Maklumbalas JIM.**

*Firewall* sentiasa di naik taraf (*upgrade*) bagi memastikan keselamatan sistem terjamin.

**k. Back-up Service.**

*Back-up service* yang disediakan oleh JIM bagi menghadapi sebarang bencana.

**Maklumbalas JIM**

JIM merupakan sebuah jabatan yang dinamik dimana pemantauan dan penilaian sentiasa akan dipertingkatkan. Dengan adanya pertambahan modul-modul seperti *Advance Passenger Screening System* maka JIM memerlukan *bandwidth* yang lebih luas. Oleh itu, JIM akan berbincang dengan pihak MAMPU bagaimana hendak menaiktaraf *bandwidth* tersebut.

## I. Cadangan Peralihan Sistem MyIMMs Ke Sistem Baru.

Sejumlah RM544.74 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan sistem myIMMs. Dimaklumkan KDN akan membangunkan satu sistem yang baru yang dinamakan SKIN bernilai RM1.17 bilion.

### Maklumbalas KDN.

**Cadangan tersebut datangnya daripada pihak swasta dan masih belum ada sebarang keputusan daripada pihak Kerajaan.**

## 6. Maklum Balas Terkini

Pihak JIM telah memaklumkan setakat 22 November 2016 mendapati sebanyak 131 unit Sagem Reader telahpun dikenalpasti status dan lokasi. Baki sebanyak 69 unit masih dalam tindakan pengesanan. JIM akan mengemukakan senarai penuh bagi semua 200 unit Sagem Reader berkenaan pada 7 Disember 2016. Manakala server biometrik terletak di Pusat Data JIM Ibu Pejabat.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 17/2016 pada Selasa 6 September 2016

## 7. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

Secara keseluruhannya PAC berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh KDN dan JIM.

Bagaimanapun, PAC Parlimen menyeru supaya KDN dan JIM supaya dapat membangunkan dan mengintegrasikan sistem yang lebih bersepadu demi kepentingan negara dan rakyat.

## 8. SYOR PAC PARLIMEN.

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- 8.1 Pihak Kementerian dan JIM perlu memberi perhatian terhadap aspek keselamatan sistem *myIMMs*.
- 8.2 Adalah wajar supaya kaedah perolehan kontrak diperhalusi dengan lebih mendalam supaya kontraktor yang dilantik mempunyai kesungguhan dan berupaya menjalankan kerja-kerja kontrak.
- 8.3 Pihak Kementerian perlu menjalankan kerja pemantauan yang lebih terperinci supaya projek berkenaan dapat disiapkan secepat mungkin. Denda lewat haruslah dikenakan kepada Kontraktor mengikut syarat-syarat kontrak.
- 8.4 Pihak Kementerian dan KDN juga adalah dipohon supaya menjalankan satu program transformasi secara menyeluruh

terhadap sistem operasi dan pengurusan KDN supaya tahap perkhidmatan dan tadbir urus dapat dipertingkatkan.

- 8.5 Merujuk kepada perkara 5.2 keterangan oleh KSU KDN yang memaklumkan *task force* ditubuhkan oleh pihak Kementerian dan PAC ingin mendapatkan laporan berkenaan.
- 8.6 PAC mahu pihak KDN mengesan semua peralatan Biometrik dengan segera serta digunakan sepenuhnya.
- 8.7 PAC mahu KDN membuat laporan polis sekiranya gagal mengesan peralatan biometrik serta menjalankan siasatan dengan terperinci dan sekaligus mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab atas kehilangan peralatan tersebut.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 17/2016 pada Selasa 6 September 2016

**Lampiran A1**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 17/2016 PADA SELASA 6 SEPTEMBER 2016  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN  
SEMENTARA PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
6 September 2016 (Selasa)  10.30 pagi	Pelaksanaan Sistem Imigresen  Malaysia (myIMMs)	Kementerian Dalam Negeri  - Jabatan Imigresen Malaysia

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 17/2016 pada Selasa 6 September 2016**

Bil. 17

Selasa  
6 September 2016



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Mengenai:**

#### **Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs)**

- Kementerian Dalam Negeri
- Jabatan Imigresen Malaysia

#### **PARLIMEN KETIGA BELAS 彭加勒四**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A  
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 6 SEPTEMBER 2016**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Pengerusi*  
- *Timbalan Pengerusi*

- *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Puan Yusnani binti Zakaria [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
(Jabatan Perdana Menteri, Bahagian I)]  
Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah (Audit Khas dan Penyelidikan)]  
Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah I]  
Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]  
Encik Mohd Zaki bin Ismail [Timbalan Pengarah (Audit Kerajaan Persekutuan)  
(Kementerian Dalam Negeri)]  
Encik Mazri Nazip bin Bidi@Bidin [Penolong Juru Audit]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan]  
Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil [Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet)]  
Cik Nasryah Fahada Abd Razak [Penolong Setiausaha]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Encik Ahmad bin Ali [Pengarah (KKA)]

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam [Penolong Pengarah Keselamatan 1]

**SAKSI**

**Kementerian Dalam Negeri - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**

**[Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs)]**

YBhg. Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KDN)]

YBhg. Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali [Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)]

YBhg. Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman [Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), JIM]

YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar [Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KDN]

YBhg. Dato' Nor Ashikin binti Haji Md Salim [Setiausaha Bahagian Kanan  
Pembangunan dan Perolehan (KDN)]

Puan Hamidah binti Bidin [Setiausaha Bahagian Kewangan (KDN)]

YBhg. Dato' Shahril bin Dato' Ismail [Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen (KDN)]

YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Ahmad [Setiausaha Bahagian Perolehan (KDN)]

Puan Fuziah binti Abu Hanifah [Setiausaha Bahagian Pengurusan  
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (KDN)]

Encik Zamri bin Mat Zain [Setiausaha Bahagian Pengurusan Pekerja Asing]

YBhg. Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad [Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pasport (JIM)]

Encik Jasri bin Kassim [Pengarah Bahagian Kewangan (JIM)]

Puan Latipah binti Omar [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (JIM)]

Encik Khairul Khar bin Yahya [Pengarah Bahagian Pekerja Asing]

Encik Johari bin Ismail [Ketua Audit Dalam (KDN)]

Puan Saleha Bee binti Adam [Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Khidmat Korporat]

Encik Oong Kee Keang [Timbalan Ketua Akauntan (KDN)]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Selasa, 6 September 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.34 pagi****[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Pengerusi:** Salam sejahtera Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC, pengarah-pengarah dari Jabatan Audit Negara dan pegawai-pegawai di Jabatan Audit Negara, wakil daripada ketua-ketua jabatan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, serta ahli PAC yang hadir pada pagi ini.

Hari ini kita akan meneruskan PAC Parlimen Ke-13 dengan mengadakan prosiding Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Saksi yang hadir pada hari ini ialah Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Kedua, Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali, Ketua Pengarah Imigresen yang baru ini daripada SPRM. Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Imigresen.

myIMMs sistem yang berteknologi tinggi yang merangkumi tiga buah komponen utama iaitu aplikasi, rangkaian dan pusat data bagi menyokong operasi Jabatan Imigresen yang dikira memberi khidmat terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholder*. Dia *integrated*? Kementerian Kewangan Malaysia telah melantik HiTech Padu secara runding terus bagi kontrak myIMMs bernilai RM29.9 juta yang ditandatangani pada 1 November 2010 bagi tempoh satu tahun mulai 1 Mac hingga 2011.

Jadi, Jabatan Audit telah melaksana skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh 2011 hingga 2014. Aplikasi yang diaudit adalah visa pas, modul pekerja asing, modul pengurusan pekerja asing, sistem kawalan Imigresen dan kemudahan biometrik. Jadi, kita hendak lebih *details* lagi. Kita persilakanlah Jabatan Audit untuk memberi penjelasan.

**Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah (Audit Khas Dan Penyelidikan)]: Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu. Selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli PAC yang lain dan Setiausaha Datuk Roosme binti Hamzah. Jadi, pada hari ini kita akan berbincang dan mendapat penjelasan berkaitan dengan pelaksanaan sistem-satu sistem iaitu myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia. Jadi, seperti mana yang telah dimukadimahkan oleh Tuan Pengerusi tadi bahawa tujuan utama pelaksanaan sistem ini adalah untuk memberi**

kemudahan kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholder* yang melibatkan keluar masuknya sama ada pekerja asing ataupun pelawat-pelawat ke Malaysia.

So, skop pengauditan yang kita laksanakan ialah dengan memeriksa, menyemak, mengaudit, menginterview pusat-pusat yang kita pilih untuk diaudit. Jadi untuk seterusnya saya rasa *details* penemuan Audit akan kita ulas selepas ini dan saya rasa kita kemukakan Puan Carolina.

#### 10.39 pg.

**Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah I]:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Salam 1Malaysia kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC dan Naib Pengerusi Dr. Tan Seng Giaw dan Setiausaha Parlimen, Datuk Rosmee binti Hamzah.

#### ■1040

So, seterusnya saya akan pergi kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pasukan Jabatan Audit Negara iaitu saya terus pergi kepada yang pertama iaitu berkaitan dengan pengurusan projek myIMMs. So, iaitu yang pertamanya proses perolehan myIMMs telah dibuat sebelum mendapat kelulusan JTICT MAMPU dan kertas makluman tidak dikemukakan kepada JTICT MAMPU untuk pandangan teknikal mengenai komponen ICT. So, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya apa-apa pun sistem kerajaan, selepas JTICT kementerian atau jabatan agensi berkenaan dibuat, ia perlu mendapat kelulusan JTICT MAMPU untuk mendapat pandangan teknikal. So, apa yang berlaku di sini bahawa kelulusan JTICT MAMPU ini tidak diperolehi dulu. Oleh yang demikian, ada beberapa isu yang berkaitan dengan sistem ini yang kita bangkitkan daripada segi integriti data yang kemudian akan dijelaskan, itu susulan daripada *the advice from this technical committee which has not been obtain. So, it should be obtain, there should be something can be corrected there and then. So, that is the first issue. So, any question? Next. So, we go to the next issue*, berkenaan dengan tempoh perjanjian.

Penemuan Audit, tempoh perjanjian lebih awal daripada kelulusan rundingan terus MoF dan pengeluaran SST iaitu Sijil Setuju Terima. Perjanjian telah di tandatangan pada 1/11/2010 bagi tempoh 1 tahun bermula 1/3/2010 hingga 28/2/2011. Kita dapat bahawa MoF hanya memberikan kelulusan kepada 5/5/2010 dan SST hanya dikeluarkan pada 11/5/2010 oleh KDN iaitu selepas tempoh kontrak. So, sepatutnya SST dikeluarkan sebelum tempoh kontrak sebenarnya. So, *what happen here is that it is after. Okay next, berkenaan dengan pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap iaitu kita dapat 18 baucar bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian.*

So, ini merupakan satu *improper payment* daripada pandangan Audit. Di sini, apa yang dimaksudkan dokumen tidak lengkap iaitu kalau ikut kontrak, ia telah menyatakan beberapa buah dokumen yang perlu disokong untuk pembayaran seperti sekiranya bayaran untuk *user acceptance test, provisional acceptance test*, sepatutnya ia ada sertakan beberapa buah dokumen seperti laporan ujian penerimaan pengguna yang mana tidak disertakan bersama baucar. Laporan ujian penerimaan

sementara (PAT), laporan ujian penerimaan akhir, surat akuan penerimaan akhir, laporan *system integration test, documents specification* dan sebagainya.

So, ini yang tidak disertakan, cuma kita dibekalkan dengan baucar yang sekian tebal, bila kita minta ia tidak dibekalkan, so itu yang kita maksudkan itu yang tidak disokong. Okey, dia bagi *invoice* dengan ini, *because* alasan yang diberi bahawa dalam kontrak, baucar bayaran sepatutnya disokong dengan *invoice* sahaja dan beberapa buah dokumen yang lain tetapi dia tidak tengok daripada segi teknikal *part*, kita perlu tengok juga. Sama ada misalnya kalau ujian penerimaan pengguna tidak dibuat dengan sempurna, sekiranya dia buat satu sahaja orang yang membuat pengujian, sistem itu tidak akan jadi secara menyeluruh.

*So, what we want is that if you have many modules, so each of the modules there should be a few people to test. So, that you will able to see that the system is really reliable for people to use. So, if you just use one user, then it is not representative, but the problem here is, this documents has not been forwarded to us and what do we found is that, there are documents that is not even signed. They give us the user's acceptance test which is not signed. Next is about the biometric. So, penemuan kita, kemudahan biometrik myIMMs bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warga Malaysia kerana menggunakan NERS. Itu satu sistem biometrik baru yang dibuat perolehan selepas kontrak ini siap dengan harga RM92 juta bagi tempoh 12 tahun iaitu under concession.*

*That is why they don't use. We found out, even not only that, they are not using it- the server which is costing about RM8 million is also not being used, but it is kept in their server room. Then you have the cap jari, dia kata dia hantar ke depot tahanan untuk mengimbas cap jari. We also visit to pusat tahanan di Sepang dan kita dimaklumkan benda itu tidak ada di sana lagi. Dimaklumkan oleh Imigresen, alat cap jari itu, biometric itu telah dihantar ke bahagian pasport untuk diguna pakai. So, but the main thing is that the server is that cost the most which is not being used. Okey next, sistem aplikasi e-Services. So, penemuan kita, tiga sistem tidak diguna pakai oleh pihak JIM iaitu permohonan pas pelajar, permohonan pekerja asing dan permohonan pas pengajian yang mana diganti dengan *Immigration Malaysian Global Services*, permohonan lanjutan PLKS pekerja asing, permohonan pas pengajian TalentCorp. So, dia telah pasang tetapi tidak pakai dan diganti dengan benda lain which is actually pembaziran bagi pihak Audit. Next, agensi *link-up* iaitu myIMMS tidak mempunyai kemudahan agensi *link-up* dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memeriksa kesahihan data dan status hidup mati majikan.*

Kalau ikut dalam kontrak, sebenarnya agensi *link-up* ini perlu dibuat untuk memeriksakan kesahihan data-data pemohon-pemohon pas lah. Kalau kita, *for example Malaysian*, kalau majikan kita hendak tengok ada kes yang dimaklumkan ini *maybe terpencil*, makna ada majikan yang umurnya sudah *already* lanjut tetapi masih lagi tidak disahkan sama ada- dia tidak boleh sahkan kerana tidak ada maklumat yang boleh *link* kepada sistem. Okey next, *User Acceptance Test*. Kontrak tidak menyatakan

bilangan pegawai yang menjalankan *User Acceptance Test* (UAT). UAT dilaksanakan oleh satu atau dua orang pegawai Imigresen bagi setiap modul dan tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut. Itu yang saya maksudkan sebelum ini. SAP di tandatangan oleh kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan tidak disahkan oleh pegawai Imigresen dan tanpa laporan UAT. Maknanya, laporan di tandatangan sahaja. Walaupun dia kata perlu buat penambahbaikan, bermakna seolah-olah dia menerima. So, sebenarnya dalam borang itu sepatutnya kalau ada masalah, dia patutnya buat nota masalah itu telah diselesaikan. So, *at least there is something. No notes mentioning that the problem has been solve.* Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test*. Dalam kontrak dia mengatakan bahawa *stress test* ini perlu dibuat untuk melihat sama ada sistem itu, daya ketahanan sistem itu sendiri. *Stress test* tidak dibuat.

Kita dimaklumkan oleh pihak Imigresen bahawa *stress test* ini dibuat bersekali dengan UAT tetapi laporan tidak ada. Apakah dia? *Stress test* tidak dilaksanakan. Dalam kontrak dia kata *stress test* itu perlu dibuat, maknanya kita buat *stress test* semasa sistem itu *run* untuk melihat daya tahan sistem itu. So, *even if there is so many users, how the system can withhold this number of users, for example.*

#### ■1050

Kalau dia tidak dapat *they have to give a report but for this case there is no stress test report whether they do it or not. There is no stress test report. They told us they have done it when they do UAT but dalam laporan UAT pun tidak ada maklumkan *stress test* ini telah dilaksanakan, okey. So, that why kalau system down they might not be able to- as we go along di bawah BCP nanti Business Continuity Plan they will be some problem there, okey.*

*Provisional Acceptance Test*, tiada laporan *Provisional Acceptance Test* bagi Sistem Visa Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang, Sistem SDPKI, ini sistem-sistem yang ada dalam dia tidak ada laporan. Bermakna seolah-olah sistem ini tidak dibuat ujian, okey.

*Next one is Perkhidmatan Pemulihan Bencana*, iaitu kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya iaitu di luar dan perkhidmatan tersebut hanya beroperasi selama lapan bulan bermula Julai 2010 iaitu Februari 2011 dengan kos RM1.8 Juta. Perkhidmatan ini tidak disambungkan kerana peruntukan tidak ada untuk diteruskan. Kalau mengikut jawapan JIM.

*Next, ujian pemulihan bencana pertama dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana (BTMR) JIM pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya, Selangor. Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor tapi pembayaran RM50,000 telah dibuat iaitu pembayaran ini dibuat untuk membayarkan kajian yang sepatutnya free tetapi digunakan, dia buat ujian analisis itu dibayar gunakan ujian ini, kos ujian ini RM50,000. So, this is improper payment.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Perolehan bencana?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Pemulihan bencana.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Pemulihan bencana *is if there are any disaster happening so then you have to register recovery plan.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Back up, jika berlaku di sini perubahan, jadi dia ada back up di tempat lain.*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *But, di sini apa yang, okey. Ini bencana untuk for example untuk*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Yes.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Yes, that is a objective even bencana banjir, bencana di serangan kah atau apa-apa. Kalau diserang pusat itu kita ada lagi pusat lain untuk recovery, that's it.*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Kebakaran pun bencana juga. Okey, *next one is Pelan Pemulihan Bencana IT. Kontraktor tidak menyemak dan mengkaji semula pelan pemulihan bencana IT sebelum melaksanakan perkhidmatan pemulihan bencana dan laporan ujian pemulihan bencana menunjukkan tempoh pemulihan keseluruhan myIMMs mengambil masa selama 67 jam dan 20 minit. So, bila sistem itu down it took 67 hours and 20 minutes to put the system up again. So, that is why we work, you know that you have to do the stress test.* Okey, next.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *No, actually they have they own norm for example, dia ada perjanjian untuk berapa jam untuk memulihkan sistem. So, my IT man will be able to tell you better.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]:** Yang Berhormat kalau mengikut MAMPU sepatutnya operasi dapat disambung semula dalam masa empat jam.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Oh, empat jam- 67 jam.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *Next, we go to Integrasi Data iaitu dari segi pelaporan. So, bagi maksud ini integrasi data bila integrasi data tidak dibuat dengan sempurna ini yang akan berlaku iaitu laporan yang dijana daripada Modul eReporting dia ada satu modul yang bernama eReporting myIMMs pada tarikh yang berlainan iaitu pada 30 April 2015 dan 14 Januari 2016 menunjukkan bilangan cetakan pelekat PLKS bagi tahun 2013 dan 2014 berbeza iaitu sebanyak 315 dan 460.*

*Ini bagi tempoh yang sama 2013 dan 2014 tapi laporan dijanakan pada tarikh yang berlainan menunjukkan ada perbezaan. So, for example you see 2013 dan 2014 there is a different. So, menunjukkan dari segi integriti data ini ada masalah.* Okey, next.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Jadi tidak betul kah atau macam mana boleh ada lagging?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Macam mana dia punya perbezaan itulah sistem daripada segi integriti data mungkin ada- kalau ikut jawapan yang diberi oleh JIM kepada kita dia kata ada yang

daripada- bila dia buat migrasi data daripada sistem lama ke sistem baru itu *it was not done properly*. So, *that mean maklumat itu tidak ada- tidak bersamalah*.

Ini sebab *the problem here is that when this problem you see the same year kalau- I give you an example if 2015 bilangan PLKS for example you have 315 then untuk tahun ini saya janakan, kelmarin saya janakan, bilangan ia keluarkan 315 tapi bila dijanakan esok hari ia akan keluar 460. So, bagaimana bagi tahun yang sama, keluar pelekat berbeza. So, there are something wrong with the system.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ini untuk pekerja asing.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Pekerja asing- visa. Sangat-sangat bahaya.

*[Ahli-ahli Jawatankuasa PAC berbincang sesama sendiri]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Okey, next.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *Not this one is- that is* dari segi integriti data sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pelaksanaan sistem.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ya, bukan pelaksanaan ini integriti data daripada pelaksanaan tadi yang dibayar itu benda lain, sistem itu sudah dibayar tapi inilah *result* daripada output daripada sistem itu, ini output daripada sistem itu.

Next, kita pergi pada *reporting system* tidak menunjukkan maklumat yang benar. So, kalau ada laporan yang sesuai bermakna bahagian penguatkuasaan boleh menggunakan- itu untuk membuat penguatkuasaan sebenarnya so maknanya berapa yang sudah *if we said that how many pelekat yang kita bagi, visa yang sudah kita bagi, berapa yang expired. So, you just generate from the system.*

*The report should be able to have the management to do the enforcement but what they do is all the enforcement is done through according to what we were given by bahagian penguatkuasaan. They do penguatkuasaan based on report by the public, is not from the system. They cannot rely on the system to give them the information.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Yes, based on. After that the time we asked them that was last year that should be- we didn't get any information- Audit was done-lah

**Seorang Ahli:** It's computerized.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Yes, it's computerized but- eReporting to sebenarnya membantu kita untuk mendapatkan maklumat *for example KP hendak tahu, beberapa bilangan PLKS yang kita keluarkan. Okey ini bilangan dia actually by the system you should be able to generate that but what they do banyak yang pakai manual untuk buat laporan and lepas itu if you want to say how many have overstayed by right the system will be able to give you the right information but the problem is they cannot rely on that. That is what we were told... [Disampuk] Manual- people report only that they do.*

■1100

*People report, only than they will do. Maybe they have other...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** Benda ini boleh melibatkan keadaan yang huru haralah dalam bentuk *stay* di Malaysia. Contohnya, pekerja-pekerja asing ini kita *allowed* dia duduk di Malaysia ini 10 tahun. Akan tetapi kalau rekod dia tidak boleh mengeluarkan bahawa *you* duduk sudah 10 tahun. You boleh duduk 20 tahun. Itu *problem* yang akan timbul hasil daripada integriti data tadi. Ini yang berlaku.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** So, hopefully...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** Yes.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...*Pasal your system is faulty.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Pandangan IT.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Apa yang saya hendak sebut di sini, kalau daripada segi perundangan, *this system is not reliable, even if you want to challenge- anybody who wants to challenge in court, if your system is faulty, there's nothing that you can show any proof...*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** ...Sebenar jadi pandai berubah. *Man made lah, you know what I mean* lah.

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Okey, saya tidak berani hendak nyatakan yang mungkin ada pihak ketiga yang merubah data itu sebab kami tidak *check* secara *thorough* lah, *back-end* dia punya proses itu macam mana ataupun terdapat kebocoran data atau sebagainya. Sebab kami tidak *check* secara *detail*. So, saya tidak boleh hendak cakap sama ada terdapat ada pihak ketiga ataupun tidaklah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** Itu dia lah.

**Tuan Pengurus:** Pegawai-pegawai.

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** Pegawai, pegawai.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya sebut tadi Datuk, saya sebut tadi saya kata *computer doesn't cheat*.

**Encik Zulkiple bin Abdullah:** Yes.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Unless you programmed it in such a way to cheat.*

**Seorang Ahli:** *To cheat.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *They can cheat.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itu yang tanya IT tadi itu, ada tidak...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Untuk makluman, data yang kita perolehi ini kita buat analisis menggunakan kita punya *tools*. Audit Negara ada satu *tools* yang kami panggil *Audit Command Language*. So, kita dapat data daripada sistem myIMM's and then with the table-table yang kita perlukan

*and then kita run kita punya tools ini dan itu yang kita dapat. So, kita buatlah dia punya skrip, apa yang kita hendak perolehi, so kita dapatkan maklumat itulah. So, this is the figure you boleh lihat dari sini.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Imigresen menggunakan *mainframe Z10* tidak silap saya. Dia di tempat...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Dia ditempatkan di Pusat Data, Jabatan Imigresen Malaysia di Presint 2. Diletak di situ.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Do we have a back-up system to whole data, government punya data, ada-ada kan? Centralize. That would be the back-up. So, Jabatan Imigresen, are they using that? Are they banking on that one, that...*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Saya daripada Audit.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Okey, bagi *back-up itu* seperti yang telah dinyatakan oleh Puan Carolina tadi, JIM ada menggunakan DRC itulah, *Disaster Recovery System* tapi selama 8 bulan sajalah. Sehingga 2014, baru JIM menggunakan DRC MAMPU. Daripada 2014, yes, sehingga 2011 tiada DRC telah dibangunkan. So, kami tidak tahu sama ada data tersebut hilang ataupun bagaimana. Kalau ada masalah terhadap data tersebutlah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Bermula 2014

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Penemuan ini kita dapati dibuat pada 30 April, penemuan ini ya? *What really happened before this? Before you came in, because I see the...*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *There is another system they called ESIM. Okey, that is another system, but we did not study the system. The system is already before that and then it was done by another vendor but then, the contract telah ditamatkan kerana tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan source code kepada sistem itu tidak diberi KDN atau Imigresen, dipegang oleh vendor itu sendiri. Kesemua maklumat Imigresen itu ada di dalam itu. So, what happen is that, dia orang key-in balik. Nanti Yang Berhormat boleh tanya dengan Imigresen lah, macam mana dia buat kerja lagi, dia key-in balik dalam sistem. So, yang kita check ini cuma sistem myIMMs, yang telah ada sistem.*

Sebelum itu, so bila SIM ini tidak berjaya, *they have the transition period between SIM dengan myIMMs* yang dia buat *roll back*. Dia ada buat bayaran itu. So, dia *roll back*. Maknanya, dia ambil sistem yang dibuat oleh HeiTech Padu sebelum itu, dibawa, dia buatlah untuk dia meneruskan kerja dia. So, *then dia come up with myIMMs. MyIMMs is new system, another system* yang dia kata platform yang bersepada yang mana dia boleh *because* dulu, sistem-sistem dulu sebelum itu dia *stand alone*. So, *SIM ini dia bersepada tapi tidak berjaya*.

So, kontraktor lari, data pun- so, itulah.

**Tuan Pengerusi:** *I still remember this. Dia havoc dulu.*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Dia orang tidak dapat akses bila hendak dapat itu.

**Tuan Pengerusi:** *I still remember*, dulu SIM itu *fail*. Gagal, so HeiTech Padu diminta *rescue*. Ini soal *rescue*. *Rescue the whole project and then* itu sebab tadi nampak lambat *sign*, because dia minta masuk dulu. *Disaster* tahu situ, masa dulu dia *jam* masa itu, dalam keadaan yang kritikal. So, HeiTech Padu diminta masuk untuk *rectify* semua ini. HeiTech Padu *is public listed company, very reputable company*. So, dia minta- sebab itulah nampak awal tadi, dia masuk dulu, *signed* kemudian, because hendak *rescue*. So, dia dalam keadaan yang dulu *fail*. So, dia masuk.

Oleh sebab itu kalau saudara lihat tadi, saya tahu sedikit sebanyak latar belakang itu dulu. Diminta masuk, sebab itu lambat *sign*, sebab masuk dulu, buat kerja dulu. *That is the background. Actually HeiTech Padu rescue the whole failure.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Yang Berhormat, saya akan menerangkan tentang kronologi pembangunan sistem di Jabatan Imigresen Malaysia. Okey, pada mulanya pengkomputeran dan pembangunan sistem aplikasi di JIM bermula pada tahun 1995 dengan pembangunan Sistem Dokumen Perjalanan dan Kawalan Imigresen atau dikenali sebagai SDPKI oleh Permodalan Nasional Berhad. Sekarang dikenali sebagai HeiTech Padu lah dengan nilai harga sejumlah RM329.08 juta. Pada tahun yang sama juga, Sistem Visa dan Pas (SVP) dibangunkan oleh pihak Guthrie Technologies Sdn. Bhd. dengan nilai harga sejumlah RM59.98 juta bagi tujuan pengurusan pengeluaran visa dan pas kepada pelawat asing.

■1110

Pada tahun 2006, projek aplikasi JIM berdasarkan platform tunggal yang dikenali sebagai Sistem Imigresen Malaysia ataupun SIM ini telah dibangunkan oleh Multimedia Glory Systems Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai MGSSB untuk tempoh satu tahun bermula daripada 1 Mei 2009 hingga 30 April 2010 dengan kos berjumlah RM126.3 juta. SIM dibangunkan bagi mengatasi masalah yang timbul dalam penggunaan dua buah platform yang berbeza...

**Tuan Pengerusi:** Penggunaan apa, platform?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Mengatasi masalah yang timbul dalam penggunaan dua buah platform yang berbeza. Sebelum ini ada SDP dengan SDPKI itu, so dia akan gabungkanlah dalam SIM ini, *integrated* lah, *integrated* lah.

**Tuan Pengerusi:** *Integrated* lah?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Bagaimanapun projek tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan pelanjutan masa pertama selama tiga bulan telah diluluskan oleh MoF. Permohonan pelanjutan masa yang kedua telah ditolak oleh MoF dan projek pembangunan SIM ini telah ditamatkan pada 30 April 2009. Berikutan penamatan sistem tersebut, JIM telah melaksanakan *rollback* yang seperti Tuan Pengerusi cakap. Kembali ke sistem asal iaitu sistem yang dibangunkan oleh HeiTech Padu dan Guthrie Techonology Sdn. Bhd. iaitu yang menggunakan sistem yang pertama itulah SDPKI dan SDP yang pada tahun 1995 tersebut.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dihidupkan semula?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Dihidupkan semula, *rollback* balik.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini yang pakai myIMMs?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** myIMMs dan dia ada buat penambahbaikan kepada sistem tersebut.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Dia penaiktarafan, pembangunan baru dia buat.

**Tuan Pengerusi:** HeiTech Padu buat itu? Dia buat pembangunan baru?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ha, ada pembangunan baru dan juga penaiktarafan. Yes.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *This company* yang cabut lari ini?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Cabut larilah *because* kelulusan kedua itu yang tidak diluluskan pelanjutan masa tidak diluluskan oleh MoF. So dia berhentilah.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tak banyak, 29 billion sahaja.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** HeiTech Padu, 29.9.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Jumlah keseluruhan berapa?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Jumlah keseluruhan sistem?... *[Bertanya kepada Encik Anuar Sidik bin Nordin di belakang beliau]*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** RM1.79 bilion.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Satu perpuluhan tujuh bilion?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Tujuh sembilan bilion.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Sembilan. Untuk keseluruhan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *From 1995 sampai...*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Yes.

**Seorang Ahli:** Yang telah dibayarlah?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Kita ada bayar. Yang Berhormat, itu termasuk dengan SKIN pada yang akan dibangunkan.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ada sistem baru lagi.

**Tuan Pengerusi:** SKIN berapa?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** SKIN RM1.17 bilion.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *Going to be a rancangan baru.*

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Ha, SKIN.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini sekarang myIMMs- daripada dulu sampai sekarang RM1.17 bilion ya?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Termasuk SKIN.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Tolak SKIN, tolak SKIN berapa?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Kalau tolak SKIN sekejap ya, saya kira.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Enam ratus lebih lah?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Hmm.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** ...*I don't dispute lah, our system is- even US, but the thing is...*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Akan tetapi macam mana boleh bolos bah, macamana boleh banyak bolos bah? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Tak, macam ini, sebab itu ditangkap banyak itu. Dia lah. Itu yang kena tangkap-diam-diam. *The system is good but...*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *Implementation* itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang kena tangkap itu...

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*] [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi:** Ada 12 orang kena tangkap, 12 orang kena tangkap. Okey teruskan.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Okey, next. Just to correct dia punya amauan tadi itu. Setakat myIMMs, kos yang telah dibayar RM544.74 juta.

**Tuan Pengerusi:** RM544.74 juta?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ha, yes. RM544.74 juta dan kalau yang bilion itu tadi termasuk SKIN. SKIN itu yang barulah, belum lagi. *In the process, one point* berapa bilion lah.

**Tuan Pengerusi:** Yang SKIN itu- company buatlah?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** SKIN itu rasa saya orang lain kot. Belum lagi.

**Tuan Pengerusi:** ...Rasa dapat kah tidak? / ingat yang tukar-tukar ini yang bahayanya. Tukar company ini yang bahayanya.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Akan tetapi kita dimaklumkan, *I'm just ini-* kita dimaklumkan bahawa...

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*] [*Pembesar suara dimatikan*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, *it's look like there's not going to be an end, you know. There is no end to it because you have spend so far RM1.74 billion*, nampaknya kata hendak *upgrade* lagi sistem, hendak *upgrade* lagi sistem. Masih sistem itu tidak lengkap lagi. Bahkan ini satu perkara yang memerlukan kitalah.

**Tuan Pengerusi:** Saya tak nampak apa yang tukarnya, *rollback* balik.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara* ]

■1120

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya fikir saya setuju dengan Yang Berhormat Putatan kerana perkara ini perkara yang ada hubung kait dengan keselamatan negara. Kalau sistem ini tidak berfungsi dengan betul, kita takuti nanti- *we are already on second tier*. Kedudukan kita sudah baik.

**Tuan Pengerusi:** Macam saya cakap tadi. *Our system is not that bad.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Akan tetapi kita sekarang hendak- *formerly we were on third, then we have already elevated to second tier.* Kita hendak kalau boleh, kita akan berada pada tahap yang lebih baik. Akan tetapi kalau sistem ini tidak membantu kita, kita takut kita akan jadi transit poin. Itu yang kita tidak mahu.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** ...Hanya meluluskan semua-semua projek kerajaanlah, especially on IT. So, that is why this system should go through MAMPU first to get the technical views before the system is being implemented. MAMPU when they look into what are the technical aspects of it, there are certain things that they don't have to take into account. So, MAMPU will suggest. So, from there the agencies should look into what are the suggestions by MAMPU and looked into their business processes. Only then they will looked into or maybe we don't need this and then they put it aside and then get what is necessary, what they already have, integrate with what they have.

So, MAMPU is still the people that they have to look up onto before the system is being implemented. So, if they don't go like this, they didn't go to MAMPU Technical Committee first, so then, the problem will be there. If we just go direct to the top, the JITIK. JITIK for example is just the approving body which is just, they don't look into the technical part. So, the problem will persist.

**Tuan Pengerusi:** MAMPU ada technical expert...

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Dia ada bahagian yang memang khas untuk JIKSA they called it.

**Tuan Pengerusi:** ...Better than private sector...

**Puan Carolina Muyang Lileng:** They should be. According to them, they should be.

**Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Seksyen Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** [Merujuk pada petikan] ...Tidak mendapati migrasi data di myIMMs kerana data sistem tersebut tidak dapat diakses berikutan penamatan kontrak SIM iaitu dengan kompeni yang lari tadi itulah. Okey, itu yang dia tidak dapat- mungkin itu yang data dia hilang, tidak lengkap, semua itu because dia orang kena key-in balik data. So, next. The other issue is berkennaan masih pada migrasi data. Analisis data Sistem Visa dan Pas myIMMSs tahun 2012 hingga 2014 mendapati pertindihan nombor pelekat PLKS yang sama bagi pekerja asing yang berlainan berdasarkan semakan nama pekerja dan dokumen perjalanan. So, ada pertindihan nomborlah untuk pekerja asing yang berbeza. Percetakan pelekat yang terlibat adalah pada sama yang berlainan. So, itu yang tadi bila print pada hari ini dan esok. Ia ada perbezaan. Okey, pertindihan disebabkan proses migrasi data daripada sistem lama ke sistem baru. Also, itu tidak dapat dibuat migrasi data, meaning dari SIM tadi tidak ada migrasi data, all the informations in SIM tidak dapat di migrate kepada myIMMs, so itu yang membuatkan data ini tidak available.

Okey, next iaitu berkenaan dengan pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Ini adalah penting bagi pekerja asing perlu dibuat pemeriksaan kesihatan. Melalui analisis data kita iaitu 3,577 orang pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus *unfit*. So, berdasarkan maklumat yang kita- diberikan juga iaitu *some of it is* atas dasar kelulusan pihak yang atasan. Kalau tidak *unfit*, *you should send them back. You cannot keep them*. So, itu mungkin ada mungkin *it is system problem also*. Masalah *problem*.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** So, ada juga integrasi daripada yang...

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Apa yang *problem* Tuan Pengerusi, orang-orang yang sakit batuk kering, apa semua sekali, *dangerous to our nation. It's coming back.*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** [Merujuk pada petikan] *The next one is* kelulusan lanjutan PLKS. Kita mendapati 8,975 permohonan lanjutan PLKS melalui sistem MyEG bagi tahun 2013 dan 2014 telah diluluskan oleh pengendali MyEG secara automatik dan atas talian tanpa semakan dan kelulusan pegawai Imigresen. *So, they give 24 hours, you don't ini, dia luluskan dalam tempoh 24 jam lah. So, dia tidak ada semak dokumen, because MyEG the system just* bagi kelulusan begitu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** ...Assume lulus.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** 24 hours

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** ...Machine sendiri, recognize macam itulah.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *But, after that I think the Immigration take over, ada transition period* dialah. *After that, dia buat penyemakan semula, they give back to MyEG balikkan?... [Merujuk kepada pegawai Audit bertugas]* Okey, so tidak ada lagi kelulusan macam dahulu. *The next one is berkenaan dengan...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Pas lawatan kerja sementara. Okey, *the next one is* pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. Ini kita buat lawatan ke Jakarta, Bangladesh dan juga Nepal. So, di sini kita mendapati Kementerian Dalam Negeri melaksanakan tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara melalui *Immigration Security Clearance (ISC)* oleh S5 Systems Sdn Bhd dengan caj sejumlah RM105 bagi setiap warga asing bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod Bio-SL ataupun senarai hitam. So, dia buat satu sistem di sana, syarikat yang pengendali *Malaysian company, but operate di luar negara* yang mengenakan caj sebanyak RM105 kepada bakal pekerja asing. *So, that is their extra security* yang dia buat. Then, kerajaan juga menetapkan pemeriksaan kesihatan di negara asal serta permohonan VDR melalui biometrik dan eVDR oleh Bestinet Sdn. Bhd. dengan caj sejumlah USD300 bagi setiap warga asing bermula pada 15 Jun 2015 di semua negara sumber.

■1130

So, ini adalah satu lagi sistem baru yang diwujudkan oleh kerajaan di negara sumber yang mana sistem ini dipasang di semua pusat kesihatan, klinik-klinik atau hospital-hospital di negara sumber. Kalau di Indonesia itu banyak, beberapa dan di Bangladesh semua. So, dia akan buat pemeriksaan kesihatan, so dia akan *charge* kepada pekerja asing. Cuma nanti isu dia *the 3 of these another one*, satu lagi...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *The manning machine is local but company is Malaysian. The manning company is Malaysian but the people who work there is for example Bangladesh orang Bangladesh lah. Cuma kita punya teknikal people go there and just to monitor. Akan tetapi yang buat kerja itu...*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Bukan Imigresen punya orang?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Bukan, *the company is Malaysian Company but the staff are foreigners. Local there okay and then another system is OSC menerima bertanggungjawab menerima permohonan daripada orang awam dan agen dengan caj sejumlah RM100 seorang. Manakala VLN beroperasi sebagai sistem sokongan untuk memproses permohonan visa dengan caj sejumlah 105. So di luar negara sana di negara sumber ia ada empat caj yang dikenakan kepada pekerja asing ada tiga sistem. Sistem pertama clearance iaitu Immigration Security System, and then untuk bakal pekerja asing and then after that bila dia sudah lulus semakan ini, dia akan pergi untuk membuat pemeriksaan kesihatan di negara sumber, okey dia akan mohonkan VDR...*

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ya, *and then mohon VDR secara online, medical checkup online di sana dan dihantar ke Imigresen sini diluluskan... [Disampuk] OSC ini adalah one stop center sorry, VDR itu Visa Dengan Rujukan, sorry kita terlupa letak.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** VLN itu apa?

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ya VLN itu Visa Luar Negara. Ini sistem dia sistem okey sorry I think kita terlupa letak. Okey masalah dengan sistem-sistem ini ia boleh diintegrasikan, dia boleh dapatkan maklumat orang ini bila dia cap jari dia ada pakai biometrik. So it is links to myIMMs. The problem with this system dia tidak ada contract, company ini dia tidak ada kontrak kecuali Visa Luar Negara sahaja yang ada kontrak. So ISC ini tidak ada kontrak dan juga biomedical ini belum lagi ada kontrak dengan kerajaan. Kontrak formal with the government I mean the company yang operate untuk melaksanakan...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ini KDN bukan Imigresen. But, *the things is that, we don't pay a single cent for this company is just that there operate on behalf the government to do the checking. Make money from there, but there is no contract in terms of security kita merasa is not proper lah okey.*

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Iaitu di negara sumber itu kita dapat proses kemasukan dan *verification by biometrik*, pengambilan gambar bakal pekerja asing yang dikendalikan oleh ISC bertindih dengan biometrik. So, ini bertindih dengan *because dia kerja lebih kurang sama*, kita nampak *why should biometrik dia buat cap jari semualah*. So, tadi ISC pun sama, *biomedical* pun sama dia ambil dua-dua biometrik punya cap jari. So, bertindihlah kita nampak bertindihlah kerja ini. *Why not biomedical sahaja yang buat semua check security ini, but then of course based on ISC ini adalah negara-negara lain pun gunakan ISC untuk security purpose.*

*And then perbezaannya adalah dari segi pengeluaran sijil ISC dan S5 System iaitu company itu dan sijil kesihatan oleh Bestinet. So, perbezaan berdua ini. ISC keluarkan sijil dia bersih daripada black listing, black list dan Bestinet ini yang biomedical itu dia bagi sijil kesihatan sahaja.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kalau negara sumber boleh buat dia punya sistem. *When they come to our country we need to do our system, this is our form of checking.* Tidak ada pertindihan bagi sayalah.

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Okey, ada lagi? Habislah? Itu yang *I mean if we look at* pekerja asing ini bakal pekerja asing dia susah juga. *Actually there were some demo* di Jakarta berkenaan dengan *this new system because ia agak berat*. Ini bayaran lain, bayaran kepada agen lagi lain, so *it will be...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Total untuk semua ini *one stop center* pun dibayar juga RM100, selepas itu sistem VLN itu 105, yang mana sistem Visa Luar Negara dia kumpulkan semua permohonan daripada agen-agen ini, bila dia kata okey baru dihantar kepada Imigresen, Imigresen akan luluskan sahaja. Dapat visa...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** *There operate differently* yang *the first one ISC* itu ia ditempatkan di sebuah bangunan semua orang akan datang sana cek cap jari itu dulu so kalau okey dia akan terus kepada *medical* dia pergi cek *medical*. Kalau tak okey, tak boleh teruskan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Carolina Muyang Lileng:** So, yang VDR itu bila sudah proses dia punya *medical* sudah okey, dia akan ada borang untuk isi *online* untuk e-VDR untuk Visa Luar Dengan Rujukan itu dia akan isi online untuk dihantar ke Malaysia lah. Akan tetapi selepas semuanya okey dia sudah okey tadi selepas diluluskan oleh Malaysia yang menguruskan pengeluaran visa ini tadi untuk mendapatkan dokumen-dokumen daripada pekerja asing ini VLN. So, VLN ini dikumpul semua daripada agen, ini sekarang di peringkat dua tadi *is all by individual*.

Akan tetapi bila *come to one stop center is by agent*. So, *agent* akan bawa dokumen-dokumen pekerja itu kepada *one-stop center*, dia kumpulkan dulu baru dihantar ke kedutaan, kedutaan akan meluluskan keluar visa dengan rujukan yang *temporary visa* itu, agen akan *collect* lagi bagi dengan itu, baru dia datang ke Malaysia. So, itu dia punya proses dekat situ. Akan tetapi kita nampak memang VLN

memang dia membantulah, *because* bila kita tengok di Bangladesh di dalam bilik itu penuh visa *application* dia kan, so berkotak-kotaklah. So *there help* kalau tidak kedutaan kita, Imigresen kita berapa orang sahaja di situ, jadi tidak dapatlah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1140

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Ya, itu sahaja, *because* di kedutaan sendiri pun pekerja dia, orang dia. So, *how reliable they are*, itu sahaja. Akan tetapi sistem dia pun kita go through.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

*[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengurus:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Yang Berbahagia Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali, Ketua Pengarah Imigresen, Yang Berbahagia Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen. Terlebih dahulu daripada pihak PAC, kami mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri-Dato' Sri sekalian ke prosiding pada hari ini.

Minta maaf lambat sikit kerana satu perkara yang sangat penting, Ahli-ahli PAC ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang perkara ini sebab itulah ambil masa lama untuk memahaminya. Saya ucapkan terima kasih, nampaknya ramai pegawai sokongan dari Jabatan Imigresen Malaysia yang hadir, ini menandakan bahawa ini subjek yang sangat penting kepada negara. Jadi, tujuan PAC memanggil bukanlah hendak mencari kesalahan ataupun untuk sengaja Jabatan Audit mengambil kesalahan tetapi hendak memperbaiki dan untuk pastikan bahawa keselamatan negara terjamin dan pengurusan serta pentadbiran Jabatan Imigresen dapat dipertingkatkan. Apatah lagi dengan perkembangan-perkembangan IT yang terbaru, kita percaya jika diperbaiki dari semasa ke semasa sistem ini boleh membantulah pegawai-pegawai dan kakitangan menjalankan tugas yang lebih baik. Itu lah hendak memahami tadi daripada asalnya PMB, tukar balik kepada syarikat Glory, balik semula kepada PMB, saya difahamkan hendak tukar lagi kepada SKIN. Ini bukan sahaja- *to be fair to the* pegawai-pegawai jugalah, mengelirukan pegawai dan kakitangan kadang-kadang sistem bertukar-tukar ini.

Ini kita hendak memahami sebab itu kita lama tadi sama ada perlu kah tukar sistem? Jadi, mungkin PAC boleh membuat pendirian daripada segi untuk membantu pejabat Imigresen membuat pendirian supaya sistem tidak selalu bertukarlah. Ini untuk pegawai memahami sistem baru, tiga - empat bulan.

Jadi, ini juga perkara-perkara dibincang tadi. Jadi, mungkin hari ini tidak boleh habis, kita akan panggil lagi, kita panggil bagi penjelasan. Mungkin hari ini penjelasan sahaja, penjelasan daripada Imigresen. Perbincangan, pertanyaan hari lain pula. Itu bergantung kepada kita kena berhenti sebelum pukul satu oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat banyak komitmen yang lain, petang. Jadi, kita minta maaf kalau terpaksa panggil lagi sekali lagi untuk- sebenarnya mendapatkan penjelasan ini satu perkara yang sangat penting pada negara. Jadi, saya tidak berlengah masa lagi, mempersilakan Dato' Sri Alwi untuk- kata-kata aluanlah, saya percaya yang akan *briefing* ini Imigresen. Silakan Dato' Sri.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KDN)]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh. Salam sejahtera, selamat tengah hari.*

Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara merangkap Ahli Parlimen Rompin, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Sri Ketua Pengarah Imigresen, TKP Imigresen, pegawai-pegawai wakil daripada agensi Pusat dan juga pegawai-pegawai Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri. Terlebih dahulu saya bagi pihak KDN dan juga Jabatan Imigresen Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menjemput kami di sesi PAC ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini mungkin kali ketiga saya berhadapan dengan PAC. Jadi, saya, *alhamdulillah* kerana KDN popular untuk *almost every year*. Jadi, saya bersyukur kerana ini juga satu cara untuk kita mendapat *feedback from the stakeholders*. Jadi, saya ucapkan terima kasih kerana diberi ruang untuk kita menjelaskan perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara semasa membuat audit. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Audit Negara kerana membuat audit terhadap sistem *my/MMs* atau sistem Imigresen Malaysia ini.

Jadi, seterusnya saya juga ingin menyebut di sini Yang Berhormat, bahawa KDN sebagai satu kementerian yang diberi tanggungjawab terhadap aspek keselamatan dan juga ketenteraman awam. Sentiasa peka terhadap tugas dan tanggungjawab ini, maka dalam kita melaksanakan tugas-tugas untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam ini sentiasa terpelihara dalam semua situasi, maka KDN perlu bertindak cepat dan juga segera dalam memastikan semua urusan berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam ini sentiasa diberi keutamaan dalam tindakan-tindakan yang berkaitan dengan KDN dan juga agensi-agensi di bawahnya. Saya menekankan perkara ini kerana dalam nanti taklimat dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi dan juga peranan Jabatan Imigresen Malaysia, kita juga perlu memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dalam kita melihat sistem-sistem ataupun *core business* Jabatan Imigresen Malaysia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli PAC, kementerian pun telah menghadiri ataupun menghadapi sesi *exit conference* pada 10 Mac yang lepas bersama dan juga sesi *town hall* bersama Yang Berhormat Tan Sri KSN dengan pihak media berkaitan laporan ini pada 24 Mei yang lepas. Dalam kedua-dua sesi ini kita juga telah memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Audit ini. Jabatan Imigresen Malaysia sebuah agensi di bawah KDN yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri, dokumen perjalanan, kawalan pergerakan keluar-masuk warganegara, dan juga warga asing di pintu-pintu masuk negara.

■1150

Itu antara *core business* utama Jabatan Imigresen. Jadi, sekali lagi saya sebutkan KDN tidak akan berkompromi dalam memastikan tugas dan fungsi Jabatan Imigresen ini sebagai salah sebuah jabatan yang sangat penting dalam memastikan urusan-urusan yang disebutkan itu dilaksanakan dengan integriti yang tinggi.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengurus tadi bahawa sistem-sistem yang dilaksanakan di Jabatan Imigresen ini telah mengalami perubahan-perubahan dari semasa ke semasa dan ini kita tidak dapat nafikanlah bahawa sebagai sistem yang perlu *address* ataupun relevan dengan situasi dan perkembangan semasa, maka sistem-sistem yang digunakan pada Jabatan Imigresen khususnya adalah bersifat dinamik. Maksudnya kita perlu ubah, perlu *upgrade* mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa. Ini saya ingin sebutkan di sini kenapa umpamanya daripada sistem yang dibangunkan pada tahun 1995 berkaitan dengan sistem dokumen perjalanan dan juga kawalan Imigresen oleh pihak Guthrie umpamanya kepada sistem yang dilaksanakan berkaitan dengan sistem Imigresen Malaysia oleh Multi Media Glory dan kemudian kepada sistem myIMMs oleh pihak HeiTech Padu.

Jadi, ini merupakan satu yang saya sebutkan tadi bahawa sistem-sistem ini perlu ditambah baik, ditingkatkan mengikut kesesuaian pada satu-satu masa dan juga keadaan yang diperlukan pada ketika itu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana telah pun meluluskan pelaksanaan sistem myIMMs ini semasa ia dimulakan pada tahun 2010 yang lepas dan seterusnya membantu kementerian dan juga Imigresen dalam melaksanakan, memberi peruntukan dan sebagainya termasuk juga daripada pihak agensi pusat yang lain seperti EPU yang kerana tanpa sokongan mereka, sistem ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sistem myIMMs adalah sistem teknologi maklumat JIM yang dibangunkan bagi menyokong operasi jabatan dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang saya sebutkan tadi, pemprosesan dan sebagainya. Sehingga hari ini, sistem myIMMs ini merupakan sistem yang *reliable*, yang membantu jabatan dalam melaksanakan sistem penyampaianya dan merupakan nadi untuk operasi di 99 pintu masuk negara, 15 buah Ibu Pejabat dan pejabat negeri, 280 buah cawangan Jabatan Imigresen, 13 Depo Tahanan Imigresen dan juga 26 Atase pejabat-pejabat di luar negara. Portal myIMMs berupaya membuat semakan terhadap pelbagai urusan berkaitan *core business* dan juga diintegrasikan dengan jabatan-jabatan lain seperti PDRM, Lembaga Hasil dan juga Jabatan Insolvensi. Jadi, ini hendak sebutkan bahawa pentingnya sistem myIMMs ini kepada aspek keselamatan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Sri, Datuk-Datuk, Ahli-ahli PAC, dalam berhadapan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, kementerian telah pun menubuhkan *task force* untuk mengambil tindakan-tindakan susulan terhadap perkara-perkara yang disebutkan dan *alhamdulillah* dengan sokongan Jabatan Imigresen dan juga pegawai-pegawai di semua peringkat di kementerian juga, beberapa langkah penambahbaikan telah dan sedang kita lakukan untuk memastikan teguran-teguran yang dibuat dalam Laporan Audit ini diambil tindakan susulan oleh kita di kementerian dan juga jabatan.

Sebelum saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri Ketua Pengarah, saya ingin sebutkan Yang Berhormat bahawa walau apa pun yang diperkatakan berkaitan dengan sistem myIMMs ini, saya suka menyebut bahawa dengan sistem ini jugalah Jabatan Imigresen merupakan salah sebuah jabatan *front liner* yang telah mendapat pelbagai anugerah sejak sistem ini dilakukan. Saya suka sebutkan umpamanya dalam tahun 2010, 2011 dan 2013 kita mendapat anugerah dipanggil *World Best Immigration Services at Airport* oleh Skytrax *World Airport Awards*. Kemudian pada tahun 2013, kita

dapat *Global Excellence in Management Awards by Malaysian Institute of Management* dan Anugerah Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam 2015-2016 oleh pihak MAMPU.

Jadi, saya percaya dengan pengiktirafan oleh pihak-pihak antarabangsa dan juga dalam negeri ini, walau ada kelemahan dan kekurangan, sistem ini telah menunjukkan dan membuktikan bahawa membantu banyak urusan *core business* Jabatan Imigresen termasuk Yang Berhormat umpamanya berkaitan dengan pengeluaran pasport, apa yang kita selalu dengar dalam tempoh 1 jam selepas pembayaran dibuat. Jadi ini semua diuruskan oleh sistem myIMMs yang ada pada hari ini.

Jadi Yang Berhormat, dengan izin, saya menjemput Yang Berbahagian Dato' Sri Mustafar bin Haji Ali, Ketua Pengarah Imigresen untuk membentangkan secara lebih terperinci berkaitan isu-isu dan juga apa-apa yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali [Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH, salam sejahtera, salam 1Malaysia.* Di Imigresen, kita tambah sekarang ini Yang Berhormat, salam 1Imigresen, Integriti, Profesional, Mesra. Slogan yang kita gunakan ini bukan saja slogan tetapi merupakan satu ketetapan. Perkataan integriti kita dahulukan, profesional, memang profesional pegawai-pegawai kita, kecekapan termasuk baik *automation* ataupun manusianya itu sebagai aset. Mesra, kita melayan tetamu kita khususnya sebagai satu ketetapan yang perlu dilaksanakan.

Kalau tadi Yang Berbahagia Dato' Sri KSU menyatakan sudah tiga kali berhadapan dengan PAC. Saya memang kali pertama tetapi tugasan saya dahulu selama hampir 30 tahun, lebih 30 tahun di SPRM. Tentunya ini merupakan tempat yang saya kira selalunya kita bersama-sama meneliti dan juga menyemak sekiranya ada bukan saja kita katakan isu-isu *punitive* tetapi tiga *approach* yang kita buat dan itu saya tekankan dalam pentadbiran di Imigresen bersama-sama rakan-rakan yang lain iaitu kalau ada aspek-aspek penguatkuasaan kita ambil tindakan *punitive*.

Akan tetapi yang penting juga iaitu aspek pencegahan mengenai sistem prosedur, mengenai *automation* yang ada. Kalau tadi Yang Berbahagia Dato' KSU sebut mengenai 1 jam untuk pengurusan pasport antarabangsa di Malaysia. Sekarang ini, malahan hari ini pun keluar lagi mengenai pembaharuan pasport dilaksanakan melalui online. Ini semua merupakan satu lagi langkah penyampaian sistem khidmat awam yang kita laksanakan untuk mempercepatkan sambil tidak berkompromi seperti mana diulang-ulang tadi tanpa berkompromi tentang aspek keselamatan.

Berhubung dengan tindakan-tindakan khusus yang saya akan bentangkan ini, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya berkaitan isu-isu myIMMs. Saya tidak mengatakan oleh kerana saya baru 1 bulan di Imigresen tetapi *I'll take the responsibility* untuk menyatakan bahawa, inilah dan saya ada bersama-sama saya Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, pengarah-pengarah bahagian di Imigresen untuk bersama-bersama sekiranya ada penjelasan lanjut untuk diperkatakan nanti.

Saya terus kepada isu yang berbangkit di hadapan kita. Memang ada 21 isu yang dibangkitkan tetapi sembilan telah selesai. Sebab itu dalam apa yang dipanggil "dashboard" di Jabatan Audit Negara, sembilan itu sebenarnya memang telah dilaksanakan selepas adanya beberapa teguran yang dinyatakan

dan juga penjelasan-penjelasan yang telah diberikan dan tidak ada lagi yang dalam tindakan, tiada tindakan tetapi dalam tindakan ada 12 perkara, dan di dalam itu ada dua isu fokus yang kita akan ketengahkan yang memerlukan pemerhatian lanjut, tetapi 10 dalam tindakan itu, saya boleh kirakan apabila penjelasan-penjelasan nanti diberikan, ia akan menaik taraf kepada warna hijau.

Sembilan isu berstatus selesai yang dipaparkan di hadapan ini, isu pencapaian fizikal, pencapaian kewangan, pengurusan projek, tempoh perjanjian yang dipercakapkan tentang Laporan Audit yang dahulu, agensi *link up*, perkhidmatan pemulihan bencana, sistem aplikasi e-services, ujian pemulihan bencana dan pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. Sembilan isu ini alhamdulillah dengan kesepakatan daripada kementerian ataupun KDN dengan Jabatan Imigresen khususnya sebagai *the practitioner operational point of view*, kita telah dapat menyelesaikan kesembilan-sembilan isu ini.

Ada 12 isu yang berstatus dalam tindakan seperti mana dipaparkan di skrin, pembayaran tanpa dokumen sokongan lengkap. Memang dalam isu-isu ini ada penjelasan-penjelasan yang telah kita sediakan. Kalau tadi *town hall* pun telah ada, *Exit Conference* pun telah dibuat, jadi perkara-perkara ini telah diperjelaskan tetapi kita bawa sekali lagi dalam pemerhatian PAC khususnya untuk penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara ini sebentar lagi.

#### ■1200

Isu kemudahan biometrik, ujian penerimaan pengguna (UAT), penerimaan sementara (PAT), pelan pemulihan dan juga pelaporan. Ada dua isu di situ dan seterusnya migrasi data, pemeriksaan kesihatan pekerja asing, isu-isu FOMEMA yang dibangkitkan, kelulusan lanjutan pas pekerja asing yang masih lagi menjadi pemerhatian fokus dilaksanakan dan ada dua isu berhubung dengan pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. Saya hendak bawa pemerhatian kepada isu-isu ini secara lebih *detail* berhubung dengan misalnya, isu tempoh perjanjian seperti mana dalam perenggan Laporan Audit Negara yang telah disebutkan. Tentu *wordingnya* banyak tetapi saya boleh ringkaskan beberapa perkara. Apabila kita kata didapati semakan mendapat tempoh perjanjian lebih awal daripada kelulusan rundingan terus. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa tadi Yang Berbahagia Dato' Sri KSU pun menyatakan dalam tempoh tiga bulan *transition* antara sistem lama kepada sistem baru vendor itu, kita tidak boleh berkompromi kerana sekiranya satu hari pun sistem itu gagal dilaksanakan, orang yang hendak masuk ke negara kita akan tergendala di mana-mana *entry point*, baik di *airport* ke, di pelabuhan-pelabuhan dan sebagainya.

Sebab itu apa yang telah dibincangkan dan telah mendapat persetujuan supaya pelaksanaan projek dilaksanakan lebih awal yakni telah mendapat ketetapan kelewatan ini kerana seperti mana yang kita sebut tadi, kalau kegagalan melaksanakan, jangan kata tiga bulan, even satu hari pun, setengah jam pun tergendala, kita melihat nanti kesesakan, *havoc* negara kita. Sebab itulah tindakan ini diambil secepat mungkin. Ini semua yang hijau, Yang Berhormat... [Merujuk kepada slide]. Jadi, kalau saya hendak pergi satu persatu, saya percaya kalau hendak diperjelaskan, kalau dapat persetujuan, dengan

izin Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, saya pergi kepada 12 isu warna kuning. So, minta persetujuan Yang Berhormat.

**Tuan Pengurus:** Yang hijau itu okey dah?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Okey, ya?

**Tuan Pengurus:** Okey, pergi yang kuning.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** *All right*, terima kasih. So, dengan itu saya pergi yang warna kuning terus. Yang pertama, pembayaran tanpa dokumen sokongan lengkap. Dalam perenggan yang dalam Laporan Audit Negara, isu pembayaran ini sebenarnya memang ada. Ada 18 buah baucar bernilai RM22.64 juta yang dikatakan tidak disokong dengan dokumen lengkap seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Sebenarnya apa yang berlaku semasa dalam perbincangan dengan Laporan Audit itu dan juga aspek pembayaran, memang ada *details* dokumen yang telah disediakan. Dalam masa yang sama, proses perpindahan pejabat Imigresen yang berlaku, dokumen-dokumen yang *detail* setiap satu, ada contoh yang telah dibawa ke pemerhatian *auditor* dan *auditee* yang melakukannya. Jika dibawakan dokumen-dokumen itu, setiap satu *detailnya*, termasuk dokumen perjanjian, dokumen pemeriksaan-pemeriksaan yang dibuat, UAT dan sebagainya memang terlalu banyak kepada setiap dokumentasi itu, ataupun perkaryanya.

Sebab itu bukan dokumen itu tidak ada tetapi pada masa pemerhatian itu seolah-olah macam tidak disokong oleh baucar-baucar dan perkara ini telah pun diperbincangkan. Setakat sekarang ini, dalam siasatan yang dijalankan telah berpuas hati dan merumuskan bahawa semasa pembayaran dibuat, baucar-baucar memang telah disertakan dengan dokumen sokongan. So, itu yang boleh saya nyatakan di sini. Cuma dalam *findings* yang dibuat selepas itu, dokumen-dokumen yang ada memang telah dapat dikemukakan sebagai sokongan kepada apa juga pendekatan ataupun apa juga sokongan kepada pembayaran-pembayaran yang patut dilaksanakan, itu yang pertama. Kalau agaknya ada soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ertinya, pembayaran itu telah pun disokong dengan baucar?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** *Exactly.*

**Tuan Pengurus:** Terlalu banyak kalau hendak bawa?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kalau setiap satu item kita bawa dokumen sokongan, memang terlalu banyak. Itu setiap satu, saya difahamkan memang setiap satu item setebal ini... [*Membuat isyarat tangan*]. Kalau kita katakan dalam satu item, katalah 18 item untuk satu program atau satu aktiviti perlu dibawa sokongan seperti itu, dia akan mewujudkan *bulk of document*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Apa sebab semasa pengauditan itu, terdapat pembayaran itu disokong hanya menggunakan invoice. Boleh bagi penjelasan?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Tambahan, sorry.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, suka saya menjelaskan satu, cara kita menyimpan rekod, *filling system* semua ini, dan satu lagi / ingatkan ialah kita ada melakukan perpindahan pejabat tempoh hari daripada apa dipanggil kepada Menara Ikhlas ya?

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman [Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JIM]:** Menara Ikhlas.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Di bangunan sebelah. Ini juga menyebabkan apabila Audit datang hari itu antara punca bagaimana invois ini tidak dapat disediakan *on time*. Itu memang kita dah, *that is why* macam Dato' Sri KP sebut tadi sebenarnya benda itu ada tetapi cuma semasa Audit dilakukan akibat daripada perpindahan pejabat. Jadi, itu yang menyebabkan kelewatan berlaku untuk kita tunjukkan dokumen-dokumen sokongan untuk dokumen utama ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Okey? Oh, sorry.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan tadi, sebelum *you all* datang, dipuji sangat dia kata. Dipuji *one of the best system*. Jadi, saya pun ingat sebab apa dia puji tadi, Yang Berhormat Putatan ini, rupanya *you* menang banyak award juga ya? Maknanya, betullah dia puji tadi. Sebelum *you* datang, dia puji sistem dia kata bagus dia kata. Jadi...

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. Dia tahu banyak tentang sistem ini, Yang Berhormat Putatan ini. Silakan.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Tadi Tuan Pengerusi sebut tiga dan tak sebut ...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Even United States puji sama kita punya sistem.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Thank you YB.*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Untuk pujian, kita ucap terima kasih banyaklah. Yang keduanya, pembayaran *sorry*. Yang keduanya, isu sistem dan peralatan biometrik bernilai RM10.3 juta yang dikatakan tidak digunakan. Jadi, saya minta Dato' Halim boleh perjelaskan secara *details*. Oleh sebab sebenarnya bukannya tidak ada tetapi penempatan-penempatan kemudahan atau peralatan itu di tempat-tempat tertentu kerana sebab-sebab yang akan diperjelaskan. Sila Dato'.

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, so izinkan saya untuk memberi penjelasan tentang kemudahan biometrik yang mana kemudahan biometrik ini bernilai RM10.3 juta. Sebenarnya, telah pun dipasang di depot tahanan Imigresen. Nilai RM10.3 juta ini bukan sahaja peralatan tetapi juga daripada segi sistemnya bersekali dan semasa pemasangan sistem ini di depot-depot tahanan, ia digunakan untuk pengambilan biometrik pendatang tanpa izin. Jadi, bila mana sistem ini dipasang di depot-depot, dalam masa yang sama apabila kerajaan membuat keputusan melalui Mesyuarat Biometrik Warga Asing melalui Nexas Sdn. Bhd pada 16 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Dato' Sri KSU KDN dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MyIMMs bil 1/2011 bertarikh 8 Februari 2011 yang mana telah menganugerahkan kontrak NERS sebagai salah satu skop dalam kontrak untuk mengambil cap jari pelawat asing di pintu-pintu masuk negara bermula 1 Jun 2011.

Jadi, teknologi ataupun sistem yang digunakan di depot tahanan sistem Sagem untuk pengambilan biometrik, manakala bagi sistem NERS yang digunakan di pintu-pintu masuk menggunakan teknologi Dermalog.

■1210

Jadi disebabkan dua sistem yang berbeza maka kita terpaksa menukar peralatan yang digunakan di depot-depot tahanan kepada sistem Dermolog supaya sistem yang dibaca di pintu masuk negara boleh dibaca di depot-depot tahanan apabila PATI-PATI itu dibawa ke sana. Jadi, sebab itulah sistem Sagem ini peralatan untuk sistem Sagem di depot tahanan telah kita pindahkan kepada pejabat-pejabat pasport di sebabkan pejabat-pejabat pasport ini menggunakan teknologi Sagem.

Jadi, sebenarnya daripada segi penggunaan RM10.3 juta itu memang telah pun dilaksanakan peralatannya dibekalkan dan juga sistemnya memang di laksanakan. Jadi, cuma peralihan tadi disebabkan oleh sebab perbezaan sistem antara Sagem dengan Dermolog, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini saya hendak tanya Dato'. Mula-mula tadi yang sistem yang awal digunakan di depot-depot. Lepas itu, sistem baru Dermolog yang boleh *capture* data di pintu masuk. Lepas itu yang sistem lama dihantar yang tadi di depot ini dihantar ke Bahagian Pasport? Kalau dua ini tidak boleh *integrated with the system* baru macam mana you hendak sistem baru Dermolog ini tadi hendak *integrate* dengan Sagem ini kalau dia tidak ada ini. Macam mana dia hendak *integrated* dengan pasport yang dihantar ke pejabat-pejabat mengeluarkan pasport?

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Okey, sistem Dermolog ini kita gunakan untuk pengambilan biometrik bagi pelancong-pelancong asing, pelawat-pelawat asing dan sistem ini juga digunakan di depot-depot untuk pengambilan biometrik. Akan tetapi yang Sagem ini kita gunakan di bahagian pasport untuk pengambilan cap jari Warganegara Malaysia. Disebabkan sistem Sagem ini juga digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Jadi, bila kita warganegara Malaysia hendak buat pasport maka kita akan *counter check* biometriknya bersama dengan *fingerprint* yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi, dia boleh *check* daripada segi pasport dan juga warganegara Malaysia punya *fingerprint*. Akan tetapi yang Dermolog tadi adalah untuk pengambilan biometrik pelawat-pelawat asing ataupun pendatang-pendatang asing tanpa izin sama ada di pintu masuk ataupun di depot tahanan. Jadi, dia boleh baca sekali. Akan tetapi yang konteks ejen tadi untuk rakyat Malaysia untuk membuat pasport. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Bank ini dia Yang Berhormat, bank dia pakai biometrik apa dipanggil *reader* untuk IC itu dia *reader*. *Reader* sahaja. Akan tetapi yang ini untuk kita *capture* ada *slightly difference...*

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk ini, *fingerprint. Thumb print.*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** *Thumb print even jari-jari yang lain.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey. Boleh tanya *side text*. Ini teknologi Sagem sama Dermalog ini. Adakah yang kita sudah lihat ini tidak *compatible* tidak boleh *integrate* siapa yang sebenarnya memberi nasihat atau *consultancy* ataupun *expert opinion* kepada pihak *immigration* bahawa ini perlu di *upgrade*. Adakah ia daripada MAMPU, daripada Kementerian Kewangan ataupun daripada syarikat-syarikat persendirian yang masuk untuk melobi untuk menasihatkan sistem ini patut di *upgrade*. Ada tidak?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Secara umum Yang Berhormat berhubung dengan penambahbaikan dalam apa juga sistem memang MAMPU sebagai dia punya tempat- isu PEMANDU di situ. Jadi, apa juga yang kita sebut ini memang kita bawa perbincangan dengan MAMPU dan kita akan dapatkan *advise* daripada pihak kerajaan bagi memastikan kepentingan kerajaan itu sentiasa terpelihara.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Siapa yang mengeluarkan masalah-masalah ini. Adakah daripada pihak Imigresen ataupun daripada pihak MAMPU.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Sebagai *end user*, memang datang daripada Imigresen. Sebab daripada segi *operational*nya pegawai-pegawai kita baik di *entry port*, baik di pelabuhan dan sebagainya. Mereka akan dapat memberikan nanti pelbagai input di mana masalah ini berlaku *and then* kita bawa kepada pihak yang ber*authority*lah. Misalnya MAMPU dan boleh bincang dengan Kementerian Dalam Negeri.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Boleh kita ambil perkataan ini bahawa sistem biometrik ini telah dipasang dan diguna pakai pada kawasan-kawasan yang telah ditetapkan. Betul? Ada satu hendak tanya sistem biometrik ini adalah untuk mengesan pengimbas cap jari kita ini ada tidak kita letak dalam bank data kita kerana pendatang-pendatang asing yang telah dihantar balik dengan satu-satu kesalahan menggunakan nama lain. Daripada dia masuk *this system biometric is still the same whether we still can detect them or not?*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat ingat saya suka hendak jelaskan bahawa tujuannya ialah untuk merekod termasuk yang tadi *illegal immigrant* tadi. *That is why* kita capture maklumat itu di depot, kita ambil dia punya *thumb print* semua itu. Bila dia masuk, dia akan masuk dalam senarai *black list* tadilah. Itu yang setengah itu kita hantar baliklah. Memang kita capture maklumat itu dalam sistem Imigresen ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada yang kita dapat dari bank data kita daripada biometrik kita tadi. Apabila dia masuk semula dia masuk semula yang menggunakan pasport lain, nama lain tetapi *you cannot change your thumb print?*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *That's right, that's right.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Can we detect or not?*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Boleh. Boleh. Itu gunanya kita ambil *thumb print* itu. *Because* kalau dia tukar nama pun kalau *thumb print* dia *unless* ditukar *thumb print*lah Yang Berhormat. Akan tetapi saya ingat ini *is not an easy job*. Jadi, andai itu dilakukan, kita memang boleh *detect* dalam sistem kita Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Macam sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Soal biometrik ini. Biometrik ini bila kita *start* pakai? Sebab ada kes-kes yang setahu saya pasport Indonesia ini senang kita dapat. Bukan sahaja di Indonesia, di Filipina juga. Ini pengetahuan saya sendirilah dan ada nama-nama atau orang yang sama berlainan nama masuk kembali ke negeri Sabah. Terutama sekalilah saya tahuolah siapa orang itu. *And then* kita tidak boleh kesan bahawa dia sebenarnya tidak boleh dibenarkan masuk ke negara tetapi bekerja juga di negara kita. Jadi, bila kita *start* ini biometrik. Saya nampak belum ada lagi, apa sebab dia.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kita mula di Imigresen ini Jun 2011 sistem ini dilaksanakan tetapi untuk Jabatan Pendaftaran Negara umpamanya bila MyKad kita itu sistem mengambil cap jari ini telah lama di laksanakan untuk MyKad. Mungkin Yang Berhormat membangkitkan ini, kalau mereka masuk melalui pintu-pintu masuk yang sahlah. Masalahnya ialah mereka masuk melalui *illegal entry point* yang tidak diumumkan sah punya pintu masuk. Jadi, ini yang kita kena *address on difference*...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *How many entry point* di negara kita memerlukan...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya ingat kita di semua pintu masuk yang ada bekalan elektrik yang tadi saya ada sebutkan berapa ini. Semua ada peralatan biometrik. Kecuali ada satu atau dua di mana tempat itu mungkin, tidak ada bekalan elektrik kita tidak boleh hendak- kalau yang lain semua ada. Kalau ikut ini, ada 99 pintu masuk negara yang kita rekodkan- 99 pintu masuk. Ini tidak termasuk pejabat-pejabat Imigresen. Pintu masuk 99.

**Seorang Ahli PAC:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yes, right.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Yang dikenal pasti tidak ada kemudahan seperti...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ada satu atau dua sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Di mana, Sabah, Sarawak?...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya- di Sabah Sarawak. Mungkin Sarawak. Saya tidak ada rekod ini *[Ketawa]* Yang Berhormat Limbang mungkin boleh beri maklumat. Yang Berhormat Limbang.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Di Tawau macam mana?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Di Tawau ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Pulau Sebatik.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Pulau Sebatik saya ingat ada. Tidak ada?... *[Merujuk kepada pegawai bertugas]* Yang Berhormat saya.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya minta tanyalah itu Tuan Pengerusi. Itu yang disahkan itu 99 pintu masuk yang jalan tikus itu apa hal?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Lorong tikus ringkasnya tidak dapat dikira.

**Tuan Pengerusi:** Tiada rekod?...

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Tiada rekod lorong tikus.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Kalau tahu senang.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Selain daripada pintu yang sah tadi itu. Maknanya itu lorong yang tidak sah itu sepanjang....

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pernah diberitahu di dalam dewan lebih daripada 800. Adakah ini betul?

**Tuan Pengerusi:** Tikus tidak boleh kiralah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Lorong tikus ini sebenarnya sepanjang-panjang perairan kita. Itu semua lorong. Kalau yang jalan darat termasuk jalan daratlah. Akan tetapi yang kita katakan 99 *entry point* itu yang sah itulah yang sebenarnya yang dikawal oleh Imigresen. Daripada segi perairan antarabangsa kita ada tentera, polis, Jabatan Laut dan sebagainya yang mengawal selia tempat itu.

■1220

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya percayalah Yang Berhormat itu ketua pengarah sekarang itu dia orang yang berintegriti yang akan membantu kitalah untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah dengan sejak 2011, kita gunakan biometrik dan ini kita sudah gunakan untuk 2 juta orang tak atau lebih? Untuk pendatang.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kalau saya boleh sebut, *of course* kalau misalnya kita buat, contohnya di Singapura sendiri setiap hari, setiap bulan, kemasukan dan juga pengeluaran orang hampir 6 juta kali di Singapura sahaja, BSI dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita biometrikkkan setiap hari begitu, kita boleh *imagine* macam mana dia punya proses. Akan tetapi soalan Yang Berhormat tadi, itulah yang kita gunakan di *port-port* kita.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini rekod kita menunjukkan setahun kita ada merekodkan lebih 22 juta kemasukan di dalam sistem- 22 juta ini termasuk orang yang *airport*, jalan darat dan pintu-pintu masuk darat dan sebagainya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Untuk pendatang.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *No, no* ini untuk yang menggunakan *legal entry point*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, begitu.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk pendatang melalui proses 6P dulu memang kita rekodkan mereka. Yang proses 6P itu memang kita rekodkan, ambil biometrik dia, sebahagiannya mereka balik, sebahagiannya mereka dikeluarkan permit kerja yang sah dan sebagainya, mungkin balik selepas tamat permit mereka. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Just to* tanya balik yang awal tadi yang KP terangkan. Sodium dengan Sagem apa yang baru ini dema...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Dermalog.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Gramlog?... Dermalog, okey. *Just now* tadi dikatakan Sodium telah dihantar untuk pasport untuk warganegara, jadi sekarang, apakah proses pengambilan biometrik untuk tahanan-tahanan dalam depot sudah dibuat menggunakan sistem ini? Oleh sebab yang digunakan di pintu masuk Dermalog sekarang kan? So, apakah yang- *just because to tally* pengambilan

data di depot-depot tahanan, apakah sudah habis dibuat menggunakan sistem ini supaya yang masuk dan sudah ada di dalam sudah dibuat?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk makluman Yang Berhormat, sistem yang sama kita pakai Dermalog. Dermalog.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Question* yang dalam tahanan yang ada sekarang sudah habis kena ambil.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya, ya. Sudah ambil, kita ambil.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Setiap kali apabila tahanan dimasukkan ke depot memang proses *due diligence* dari segi rekodnya kita ambil. Sebab apabila kita usir kemudian kita sudah tahu sudah, kalau mereka datang semula memang ada rekod. *Thats right, exactly, yes. Thank you* Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, saya hendak tanya sedikit tentang keberkesanan penggunaan biometrik ini. Tadi Yang Berhormat Dato' Sri ada menyatakan, maknanya kita ada kita punya *database*. Jadi, kalau ada siapa-siapa kemasukan walaupun dia menggunakan nama lain kita dapat *detect*. Setakat ini, daripada 22 juta kemasukan itu, berapa peratuskah kita terpaksa hantar dia balik? Maknanya, kita tak boleh terima. Sama ada dia ini adalah orang yang telah menggunakan pakai nama yang lain ataupun orang yang kita telah kenal pasti yang kita tidak mahu menerima mereka. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kalau saya dapat penjelasan daripada pengarah bahagian kawalan pasport misalnya, ada 60,000 yang kita dapat *detect* dan memang *straight away*. Sebab apa? Macam contoh di *airport*lah, kita ada proses apa yang dipanggil *not to land* (NTL). Sampai sahaja, kita kesan, *off they go*. Kalau *next flight* yang *available* dia akan balik terus, maknanya kita terus usir *straight away*. So, setakat statistik sekarang ini 60,000 yang kita ada.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita punya biometrik ini ada keberkesanannya. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Saya boleh katakan sangat berkesan. Kita percaya, termasuk Dato. Boleh saya teruskan Yang Berhormat?

**Encik Anuar Sidik bin Nordin:** Ya, saya hendak tanya sedikit. Ini berkenaan yang unit Sagem untuk biometrik cap jari bukan, Sagem kan? Yang untuk dipasang di pasport, untuk biometrik hanya alat cap jari pengesan, bagaimana dengan *server* yang bernilai RM8.7 juta itu?

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya, daripada segi *server-server* yang kita gunakan pada asalnya untuk tujuan Sagem itu kita telah gunakan untuk tujuan pembangunan aplikasi dalam Jabatan Imigresen Malaysia. Antaranya sistem e-Kuarters JIM4U, sistem e-InfoProjek, sistem fail meja, sistem e-tempahan, sistem e-gerak dan sistem i-Mintra iaitu bagi merekod latihan pegawai-pegawai. Bermakna, kita *utilize* semula *server* yang sepatutnya diletakkan di depot, so kita pindahkan kepada pejabat-pejabat kita, ibu pejabat kita dan kita bangunkan aplikasi

dalam supaya server-server tadi tidak ditinggalkan begitu sahaja tetapi sebaliknya digunakan untuk pembangunan sistem yang lain. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Boleh tanya soal server-server yang kira tidak boleh digunakan yang TKP katakan bahawa ini boleh digunakan dalam sumber dalaman. Kita melihat daripada Laporan Audit, kita melihat ada sistem-sistem yang diganti kepada sistem yang baru. Bila soal pengeluaran pasport ini, saya terbaca bahawa betul atau tidak, pengeluaran pasport ini kadang-kadang ada yang Imigresen sendiri yang tangkap bahawa pasport palsu yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen sendiri. Minta penjelasan sedikit, kenapakah ini berlaku?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kalau ada pasport, di Imigresen takkan keluarkan mana-mana pasport palsu, semua pasport tulen. Pasport Malaysia Antarabangsa, *that definite*. Akan tetapi apa yang berlaku, kalau ada orang lain yang ada pasport palsu itu kita ambil tindakan yang sewajarnyalah. Itu jawapan saya Yang Berhormat. *Because*, di Imigresen *for sure* takkan ada mengeluarkan pasport palsu.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tambahan Yang Berhormat, saya ingat itu kerja sindiket, *I can say that, it is not within from the Imigresen*. Kalau pegawai kita yang keluarkan pasport, *it is genuine passport*. Jadi, kalau ada yang palsu, serupa juga macam MyKad umpamanya, kalau yang bukan *genuine*, *that means* ini kerja sindiket di luarlah, yang *beyond*. Kalau polis tangkap, dia akan siasat dan sebagainya. Akan tetapi *I can say that*, itu kerja sindiket.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Bukan soal masalah sistem?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Bukan, sistem tidak akan membenarkan pasport yang tidak *genuine* dikeluarkan. Ini kerana macam yang disebutkan tadi, sistem Jabatan Imigresen di *linkkan* atau dihubungkan dengan sistem JPN untuk memastikan bahawa kalau kata mereka warganegara, maka disahkan dengan sistem Jabatan Pendaftaran Negara untuk *confirm* pemohon warganegara Malaysia.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Izinkan saya menambah Yang Berhormat, semasa saya di pejabat lama dahulu di SPRM, memang ada orang pembeli alat untuk mencetak pasport tetapi itu semua pasport palsu. Apabila dia pergi ke *entry point*, memang dapat dikesan, orang-orang itu akan ditangkap. Itu jelas. Akan tetapi untuk Imigresen *for sure* kita mengeluarkan pasport yang sah. Boleh saya teruskan? Seterusnya, yang isu tadilah pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Ini pun kita telah bincangkan tadi. Isu daripada 7 sistem pengurusan permohonan dan pembayaran visa dan pas yang terdapat dalam sistem aplikasi e-services yang dikatakan tidak diguna pakai. Yang ini pun sudah hijau, sebelum ini yang kuning. Asalnya kuning tetapi sudah hijau sudah, berdasarkan dengan perbincangan Audit Negara.

■1230

Cuma isu *agency link-up* yang tidak dipasang sepenuhnya. Satu isu yang berbangkit dalam Laporan Audit yang masih kuning iaitu Ujian Penerimaan Pengguna (UAT). Penjelasan boleh saya minta Puan Latipah daripada pengarah yang *in-charge* untuk IT.

**Puan Latipah binti Omar [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (JIM)]:** Yang Berhormat Dato' Pengurus, berkaitan dengan Ujian Penerimaan Pengguna iaitu UAT, kita IT memang

melaksanakan pengujian dengan teliti dengan setiap pengguna yang terlibat modul tersebut sebab ujian UAT ini melibatkan *functional of the module* itu. Jadi setiap *user* memang akan terlibat memang kita ada pengesahan ujian UAT dan ditandatangani oleh setiap pengguna dan sijil pun memang kita ada buatlah sijil penerimaan UAT.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Satu lagi Ujian Penerimaan Sementara kalau tadi UAT.

**Seorang Ahli:** Tidak sebelum itu ?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** PAT.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ini ada ujian UAT ini melibatkan wakil BTMR dan pengguna-pengguna mengikut modul bagi bahagian yang berkenaan. Apa sebenarnya tindakan untuk menyelesaikan masalah ini yang tidak disahkan oleh pegawai di UAT. Saya tidak berapa jelas tadi penjelasan.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Sebenarnya daripada segi isunya ialah wakil-wakil kena berada bersama-sama semasa ujian itu dibuat dan apabila wakil-wakil ada bersama-sama pengesahan itu dapat dilaksanakan. Itu sebenarnya isu itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Sudah selesaikah?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Sudah selesai dan isu berikutnya PAT kalau tadi UAT ini penerimaan sementara..

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Balik sekejap yang pasal *stress test* itu tadi hendak tanya yang dibangkitkan oleh Audit. Apa cerita pasal tidak ada bukti ini dibuat oleh- tidak ada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test* dan *your answer* di sini *what do you mean by* berskala kecil bersekali dengan *user acceptance test* ini. kita tidak faham sangatlah *your* penjelasan itulah ya, minta penjelasan sikit.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** okey, *Alright*.

**Puan Latipah binti Omar:** Di situ maksudnya kita perlu melaksanakan ujian kalau sekiranya berskala yang besar maksud dia kalau dia punya transaksi itu banyak. So, yang sekarang ini dia buat transaksi yang kecil sahaja, jadi itu sahaja isu yang dibangkitkanlah. Kita *just* buat berskala kecil transaksi kecil tidak membuat transaksi yang banyak.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** So, hasil daripada *stress test* berskala kecil ini yang bersekali ini kita *successful* lah.

**Puan Latipah binti Omar:** Berjaya juga.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Then* bagaimana mana dalam keadaan berskala besar *was it successful also in your this one*.

**Puan Latipah binti Omar:** Macam sekarang ini kalau kita tengok kita memang banyak transaksi memang kita tidak ada masalah memang berjaya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dia punya- sebelum dilaksanakan *stress test* itu tidak dibuat walaupun dibilang berskala kecil. Adakah ini menjadi satu SoP kepada jabatan, tidak perlu buat *test* sebelum dilaksanakan. Adakah ini satu SoP ?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Untuk apa juga sistem saya sebut awal tadi memang kita akan jadikan SoP-SoP sebab itu secara dalaman kita mengeluarkan pekeliling. Kalau dalam untuk ujian-ujian ini pun memang SoP itu merupakan satu ketetapan khusus bagi dimestikan. Maknanya ada work flow dia dan bagaimana nanti *channel* yang sepatutnya, siapa orang yang akan melihat tentang ujian itu sampailah kita rasa *confident is really tough this system then boleh kita proceed* seterusnya. Okey, Yang Berhormat.

Seterusnya, saya sebut tadi Ujian Penerimaan Sementara dan sama juga macam tadiyah seperti mana UAT kepada PAT kita hendak memastikan Ujian-ujian Penerimaan Sementara ini dilaksanakan dan telah disahkan melalui Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh kerajaan diwakili oleh Imigresen dan juga KDN dan juga MoF dan juga kontraktor/vendor dan apabila ini semua selesai so Ujian Penerimaan Sementara pun boleh selesai.

Okey, yang ini hijau. Isu pelan pemulihan bencana IT yang ini memang kita mengambil tindakan di mana hasil ujian pertama pemulihan bencana telah diadakan pada 2010 lagi dan mesyuarat jawatankuasa teknikal myIMMs pada 2010 telah dipengerusikan sendiri oleh Mantan KSU KDN dan bengkel-bengkel berterusan diadakan pada penghujung tahun 2010 bagi mengenal pasti penambahbaikan pelaksanaan ujian kedua dan daripada sini bengkel juga melibatkan MAMPU bersama-sama bagi memastikan kita kan pelan pemulihan bencana itu dilaksanakan diambil tindakan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Sorry.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dia apabila dilaksanakan dia hanya beroperasi lapan bulan dengan kos yang begitu ekstrem RM1.4 juta. Kenapakah ia telah dihentikan? Apakah sebab?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat saya ingat projek ini selesai, tidak ada isu tidak dapat diteruskan.

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat merujuk kepada 7A berkenaan dengan perkhidmatan pemulihan bencana yang mana kita.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Yang kita kata lapan bulan bermula julai 2010 sehingga Februari 2011. Okey, kita laksanakan dengan kos RM1.8 juta tetapi disebabkan oleh sebab selepas itu Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk meneruskannya.

Walau bagaimanapun, selepas itu pada tahun 2014 kita Pelan Perkhidmatan Pemulihan Bencana ini kita telah laksanakan dengan menggunakan *Disaster Recovery Centre* (DCR) di bawah MAMPU yang terletak di Petaling Jaya. Jadi bermakna pada mulanya...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Kita guna MAMPU?

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Yes, kita guna MAMPU punya *facility*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Yes, sebab tadi peruntukan kita amat terhad jadi selepas disebabkan oleh sebab peruntukan kita tidak mencukupi kita telah bekerjasama dengan MAMPU untuk menggunakan *facility* yang terdapat di DRC MAMPU terletak di Petaling Jaya, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Latipah binti Omar:** Tidak ada masalah kita *back up* memang kita *everyday* kita buat *back up*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Back up* berapa lama?

**Puan Latipah binti Omar:** Dalam masa sekarang kita kurangkan dalam satu hari boleh siap.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Satu hari ?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya seronok pasal apa sekurang-kurangnya ada banyak penambahbaikan tapi bagaimanapun *we have to talk about importance of stress test especially on UAT*.

Ada tidak tertera dalam perjanjian kontrak yang kontraktor pertama kena jalankan *stress test but is something very critical*. Kalau *the system break down* baru kita pergi kepada pemulihan bencana tadi. *What will happen if anything going to happen you know, chaos*. Jadi kita hendak kalau boleh ada tidak kita mengikut apa yang telah di bentang dalam kontrak sama ada kontraktor tadi mematuhi atau tidak dan juga pegawai-pegawai kita mematuhi. Begitu juga, pergi kepada kita punya UAT, lepas itu kita punya pemulihan bencana. Oh, ya *disaster*.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang kita kata ini merupakan satu keutamaan fokus tentang *recovery system* kita. *Stress test* yang diadakan baik *major even* yang *single* yang *minor-minor* kita fokuskan tambah pula yang *major*.

#### ■1240

Cuma kita buat kecepatan-kecepatan daripada segi tadi kalau sebutkan satu hari kita boleh percepatkan. Malahan kalau di sini saya paparkan, di mana Jabatan Imigresen telah menyediakan DRB itu dan mengemaskinkan dari semasa ke semasa sekiranya ada perubahan. Sehingga tahun 2016 ini pun, kita teruskan prosesnya itu. Memang ini merupakan satu ketetapan kita. SoP yang sangat-sangat difokuskan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita bangkitkan perkara ini kerana kita hendak satu sistem yang boleh diguna pakai dan di samping *which is reliable*. Kita tidak hendak nanti apabila daripada apa yang Audit jumpa tadi, apabila kita periksa, 1 *figure*, sebenarnya lain *figure*, *figure* yang lain keluar. Sistem kita kata kalau *the system doesn't fail or doesn't cheat, but unless someone programmed it in such a way*. Ada tidak perkara ini berlaku?

**Puan Latipah binti Omar:** Buat masa sekarang belum ada lagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okey, soalan seterusnya. Tidak ada dari Yang Berhormat Jasim sudah ya. Fasal *stress test* inilah sebab data Dato' Sri pun tahu lah ini daripada KDN sekuriti lah ya. Sekarang ini bukan pendatang asing yang datang, pengganas pun cuba hendak masuk. So, *regarding this stress test*, satu tadi fasal *time up recovery*. *Alhamdulillah* lah kita sudah terima award. You have any

*comparison with other countries dia punya test kalau bencana, how many hours can they recover which will be our benchmark. Are we the benchmark, because we are receiving the award?* Satu. Kedua ialah tadi apakah- how- sekarang ini sekuriti kita you know lah ya, Dato' Sri tahulah ya, on the keselamatan, ISIS, DAESH, dia pun canggih juga. *They can used viruses whatever lah techno sekarang lah ya, bagaimana this our system ini punya defence right now on this tentang yang di IMS kita sekarang ini.*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai langkah untuk kita memastikan negara kita sentiasa selamatlah ya, kita berdoa sama-sama. Kita juga telah mengadakan orang kata kerjasama dengan pihak-pihak di peringkat antarabangsa, umpamanya dengan Interpol di mana kita dapatkan data-data daripada Interpol untuk kita kongsi bersama PDRM dan juga Jabatan Imigresen. Jadi, di situ kita boleh lihatlah bagaimana kalau ada *suspect list* dan sebagainya supaya *in the first place* dia tidak dibenarkan masuk ke negara kita, itu satu caralah.

Yang keduanya, kita juga dalam perancangan apa yang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyebut apa yang kita panggil *advance passengers screening system* ataupun APSS. Ini kita tengah rancangkan untuk dilaksanakan dalam sistem di negara kita supaya kita juga boleh secara lebih awal screen mereka yang didapati ataupun disyaki ada tujuan ataupun ada kes-kes ataupun ada rekod untuk melakukan keganasan dan sebagainya. Itu adalah antara perkara, langkah-langkah way forward kitalah Yang Berhormat. Selain daripada kita bekerjasama dengan Interpol, dengan negara-negara yang kita rasakan perlu, umpamanya US dan sebagainya untuk kita share.

Dengan US umpamanya, saya suka menyebut kepada Yang Berhormat, kita dalam proses apa yang dipanggil *visa waiver programme* dengan US. Salah satu *requirementnya* ialah untuk kita berkongsi maklumat tentang senarai mereka yang terlibat ataupun suspek dalam aspek keganasan dan sebagainya. Jadi, *through this kind of collaboration* dengan negara-negara ini kita harap akan assist ataupun membantu kita punya sistem Imigresen dalam kes ini untuk kita memastikan mereka yang masuk umpamanya mereka yang tidak berniat untuk mengganggu gugat keselamatan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato' Sri Alwi, *with regard to the system*, sistem kita ini yang kena serang, yang Imigresen ini, sistem kita yang kena serang, *because tadi pegawai cakap belum pernah lagi but, we don't know lah ya esok lusa that our system. That why just know bila stress test itu macam kita pergi klinik lah. Dia bagi kita ultimate punya sampai kita fail sendirilah ya. That is what I mean. Is it how you do the stress test here?*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Betul Yang Berhormat. Sebab itu kita katakan *firewall* kita misalnya daripada segi *security features* dalam IT sistem kita yang sentiasa kita upgradekan. Tadi Yang Berbahagia Dato' Sri KSU, sebut tentang *advance passenger screening system*, termasuklah *facial recognition* misalnya. Kita sebut tentang *discussion* kita, termasuk even bukan saja Interpol tetapi dengan pelbagai negara. Multilateral, bilateral punya *discussion* yang membolehkan MOU dan juga perkongsian-perkongsian maklumat. Kalau sebut saja DAESH, IS misalnya, *we have that kind of data before we find*. Sebab itu masa baru-baru ini saya hendak kongsikan apa yang pihak polis sebut, macam mana tiga

orang yang dikatakan telah bersedia untuk melancarkan sesuatu semasa Hari Kemerdekaan misalnya. So, *that kind of advancement* yang kita sudah dapat kita lihatkan melalui sistem dan sentiasa dalam kita, kita berkongsi, pihak polis, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat, isu data myIMMs kurang tepat dan integriti data diragui. Sebenarnya, apa yang berlaku dalam soal perbezaan-perbezaan data ini kerana adanya *migration of data*. Oleh sebab sistem dulu dengan sistem sekarang dan termasuklah statistik cetakan pelekat PLKS yang juga daripada segi pelaporan juga yang dikatakan kurang tepat. Sebab itu dalam modul *e-reporting* dalam myIMMs yang dinyatakan itu, pendekatan yang kita ambil. Misalnya, melaksanakan *change request* bagi mengubah kaedah pelaporan dalam sistem myIMMs, ujian penjanaan data untuk penghasilan statistik, pengeluaran PLKS. Itu khusus mengenai *migration of data* dan juga *all the statistics* yang kita hendak pastikan.

Apabila satu statistik dikeluarkan, ia tidak ada macam ada lagi statistik-statistik lain. Termasuklah cadangan penambahbaikan kriteria terbaru yang telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Bahagian Pekerja Asing di Imigresen dan pengeluaran statistik PLKS menggunakan kriteria terkini yang telah kita laksanakan mulai bulan Jun 2016. Saya sebut tadi tentang migrasi data, sama juga. Apabila warnanya kuning tetapi oleh sebab proses pemindahan data yang kita sudah buat daripada segi sistem visa, SBP ke myIMMs. Ketidak sempurnaan berlaku sebelum ini kerana beberapa perkara...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Minta maaf Tuan Pengurus. Fasal PLKS tadi. Minta maaf Dato' Sri ya, ini kena *revert* balik lah ya. Ini, berkenaan dengan Laporan Audit iaitu integriti data tentang PLKS iaitu tentang perbezaan sebanyak- ini sebagai contohlah dalam *reporting* myIMMs statistik, cetakan pelekat mendapati perbezaan sebanyak 300 bilangan cetakan bagi statistik 2013, 460, 2014 dalam laporan yang dijana pada 30 April dan 14- Butiran- macam ada perbezaan. Bagaimana benda ini boleh terjadi. Apakah disebabkan sistem ataupun dalam perpindahan daripada satu sistem ke sistem ataupun *there is no integration* yang boleh menyebabkan data berbeza ini.

**Puan Latipah binti Omar:** Yang Berhormat ya, perbezaan daripada segi pengeluaran *report*, ia berbeza disebabkan pada asalnya *requirement user* itu dia punya laporan, *reporting* dia itu lain kriteria dia. So, bila sekarang ini kita dapati ada pihak Audit melihat tidak sama, bila *report printing* tidak betul, so kita sudah betulkan balik daripada segi kriteria dan sekarang kita bila sudah buat ujian, memang tiada perbezaan sudah sekarang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** You mean the system is already integrated. Rectify or what?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kita *rectified* kan sebab apabila ada *fields* tertentu misalnya yang ditambahkan, tentunya perubahan-perubahan yang apabila *migration* satu perkara tetapi pertambahan *field* berdasarkan keperluan ditambahkan, maka kita telah *intergrate* kan. Oleh sebab itu kita telah laporkan kepada Audit Negara.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada kelemahan kita dalam *module of reporting* kita satu ketika.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kita upgradekan dari segi- bukan kita kelemahan tetapi kita upgrade kan sistem yang ada.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Makna saya sebut sini, satu ketika memang ada kelemahan dalam *module of reporting*.

**Puan Latipah binti Omar:** Bukan kelemahan, sebenarnya *on the criteria* untuk mengeluarkan laporan itu. Sekarang ini kita sudah betulkan balik dia punya- kita sudah buat *change request*, kita sudah betulkan balik dia punya kriteria. So, sekarang memang sudah tidak ada lagi perbezaan berlaku lagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Maksudnya, *re-criteria* yang dipohon oleh yang hendak minta maklumatlah. *Is it?*

**Puan Latipah binti Omar:** Betul.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ataupun sekarang *there is only 1 system, there is one reporting*, dia punya standard. So that, apabila agensi ini tanya ataupun ini tanya, CM Sarawak kah bertanya. Contohnya lah ya. Jadi, data itu semua samalah ya.

**Puan Latipah binti Omar:** Ya, sudah sama.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Only 1 reporting* ya?

**Puan Latipah binti Omar:** Kita ada bawa *proof* lah.

■1250

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** So *there is no such thing* as sistem lama sama sistem baru. Betul?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Daripada segi *reporting*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dalam segi *reporting*? So no more mention about sistem lama?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Ya. *We use one system only*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okay.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** You know, at one time ada kelemahan tetapi telah diperbaiki, *system of reporting* ini. Kalau tidak ...

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kriteria daripada segi *reporting*?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** ...*Figure* yang 415 dengan 400 tak datang.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Betul Yang Berhormat, betul.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Betul ya?

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Betul. Makna *criteria of reporting*.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Terima kasih. Ha itu mustahak.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Yes.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Pasal apa, kalau tidak nanti kita tak dapat terima laporan ini. Betul ya? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Terima kasih. Seterusnya isu pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Yang ini saya percaya tentang isu FOMEMA. Apabila dikatakan dalam pemeriksaan

kesihatan oleh pihak FOMEMA yang dikatakan menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sendiri dan setiap keputusan dalam laporan perubatan dihantar kepada pihak Jabatan Imigresen melalui atas talian yang mana ia disahkan tepat dan terjamin. Ini daripada segi maklum balas yang telah kita berikan dan setiap keputusan laporan pemeriksaan kesihatan melalui klinik yang didaftarkan dengan pihak FOMEMA akan diketahui oleh pihak majikan dalam tempoh 10 hari kerana kita menggunakan sistem *online*. Sekiranya keputusan daripada FOMEMA berstatus *unfit*, majikan boleh memohon untuk membuat semakan semula dalam tempoh dua minggu selepas keputusan dikeluarkan.

Satu lagi kita tambahkan bahawa daripada segi maklum balasnya, sekiranya keputusan daripada pihak FOMEMA mengesahkan bahawa penyakit yang dihadapi oleh pekerja asing bukanlah daripada kategori penyakit berjangkit contohnya diabetes, darah tinggi, asma, majikan seterusnya boleh mengemukakan permohonan semula kepada Jawatankuasa Rayuan Imigresen yang dinamakan JKrim atau jawatankuasa rayuan untuk mempertimbangkan untuk kelulusan pengeluaran atau lanjutan pas lawatan kerja sementara seperti mana apa yang dipohon oleh mereka.

Jadi di sinilah dan pihak JKrim sama ada saya sendiri pengerusikan atau Timbalan Ketua Pengarah, hanya membenarkan kelulusan pengeluaran PLKS ini setelah berpuas hati bahawa pekerja asing tersebut tidak akan menimbulkan risiko penularan jangkitan wabak penyakit kepada mana-mana pihak dan pada masa sekarang ini, pelaksanaan pemeriksaan kesihatan di negara sumber melalui BioMedical bermula 15 Jun 2015 sebagai salah satu langkah terbaru memastikan bahawa hanya pekerja yang disahkan sihat sahaja dikeluarkan visa dengan rujukan ataupun VDR untuk memasuki Malaysia bagi tujuan bekerja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Saya minta penjelasan sedikit. Soal keperluan untuk pekerja asing mendapat *certification*, satu biometrik dan satu lagi BioMedical dan ini *separately done by the company appointed by our government* di negara sumber. Bermaksud ini akan melibatkan pembayaran fi kepada seseorang pekerja asing yang ingin datang ke negara kita. Okey, itu satu. Kenapa tidak boleh disatukan supaya perbelanjaan yang akhirnya ditanggung oleh majikan sebab ini akan menjadi sumber yang mana duit kita akan terkeluar daripada negara kita. Adakah pihak Imigresen melihat betapa pentingnya perkara ini. Kalau boleh, sistem yang diambil itu supaya disatukan supaya mengurangkan tanggungan daripada majikan.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan BioMedical, suka saya menjelaskan di sini bahawa dua perkara yang berbeza. Yang tadi ini adalah tentang apa yang *medical check up* yang dibuat dalam negeri macam FOMEMA umpamanya. Ini telah pun dilaksanakan. Mereka yang ada dalam ini, mereka yang datang semua kita gunakan sistem yang telah pun ditetapkan menggunakan FOMEMA. Bagi BioMedical ini, ini adalah untuk memastikan mereka yang belum masuk ke negara kita. Mereka masih berada di negara sumber macam Bangladesh, India dan sebagainya. Amalan ini juga telah dilakukan oleh negara-negara lain yang menerima pekerja asing di mana sebelum mereka sampai ke negara kita, kita perlu memastikan pekerja

ini mereka yang telah disahkan tidak mempunyai penyakit yang membahayakan, penyakit berjangkit dan sebagainya. *That is why* kenapa BioMedical ini diwujudkan dan dibuat pemeriksaan kesihatan ini sebelum mereka sampai ke negara kita.

Jadi, isu katakan tadi duit keluar semua adalah tidak begitu betullah sebab mereka melakukan pemeriksaan ini di negara sumber mereka dan pekerja itu kena bayarlah *because* kita perlu memastikan bahawa mereka adalah sihat sebelum sampai ke negara kita.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dato' itu saya faham, itu saya faham. Keperluan itu amat penting kerana itu keperluan FOMEMA, itu betul. Maksud saya tadi kenapa tidak dapat disatukan supaya perbelanjaan pekerja asing ini yang ingin bekerja di negara kita, dia punya perbelanjaan berkurang sebab perbelanjaan pekerja asing akan ditanggung oleh pihak majikan kemudian. Satu lagi, bahagian *one stop centre* juga perlukan fi juga. *I see apa ini- apa lagi nama, banyak fi yang diperlukan.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Banyak bah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Banyak ini. Ini apa ISC, eVDR,...

**Tuan Pengurus:** Maksud Yang Berhormat tadi, pekerja asing ini jangan dibebankan dengan terlalu banyak pembayaran. Jadi dia akan akhirnya dia pass balik kepada majikan. Jadi itu...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, macam yang saya sebutkan tadi, macam ISC, BioMedical, ini dilakukan di negara sumber. Jadi, sepatutnya tidak timbulah masalah majikan *because* dia di negara sumber mereka, sebelum mereka sampai. Bila dia hendak datang ke Malaysia umpamanya, mereka perlu melakukan langkah-langkah ini kerana suka saya tegaskan di sini, pejabat-pejabat atase kita di luar negara ini ada hanya beberapa orang pegawai sahaja. Sistem untuk menyemak daripada segi perkara-perkara yang telah pun diberi tanggungjawab untuk urusan ISC dan BioMedical ini perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang kita lantik supaya urusan yang dilakukan ini boleh mengurangkan bebanan pegawai-pegawai kita yang hanya bilangannya beberapa orang sahaja di luar negara ini. Jadi kalau semua urusan ini dibebankan kepada pegawai atase kita, memang akan berlaku *backlog* yang sangat...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dato', bukan maksud saya membebarkan pegawai kita. Maksud saya, supaya ada sistem mungkin diupgrade supaya BioMedical dan biometrik disatukan dengan satu sistem supaya perbelanjaan itu tidak begitu ketara, tidak besarlah sebab *by convention* biasanya majikan yang bayar ini. Duit kita akan mengalir keluar, dicaj oleh syarikat yang bertanggungjawab untuk membawa pekerja asing ini ke negara kita. Bayangkan berapa jumlah wang kita akan mengalir ke luar negara. Itu maksud saya, bukan maksud membebarkan pegawai kita.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat, tetapi sekali lagi saya ingin tegaskan di sini bahawa kita kena tengok juga daripada segi mikrolah ya. Sebenarnya dalam dasar, mungkin pihak EPU boleh membantu menjelaskan. Kita dalam Rancangan Malaysia Kesebelas umpamanya daripada segi perancangan sumber tenaga manusia, kita pun ada *targets* tertentu untuk memastikan bahawa kita tidak terlalu bergantung pada pekerja asing. Ada perancangan-perancangan supaya satu, memberi peluang kepada pekerja *local*.

Keduanya, untuk, saya hendak tegaskan di sini, walaupun ada caj-caj tertentu Yang Berhormat, kadar yang ditetapkan ini masih lagi wajar atau berpatutan berbanding dengan daripada apa yang dicaj oleh pihak-pihak lain untuk negara-negara lain. Ini kita buat *comparison*, perbandingan bukannya hanya kita letak-le tak kadar itu tanpa ada menyemak macam mana negara lain umpamanya hendak bawa pekerja. Jadi kita lihat perkara itu.

■1300

Jadi, kadar itu adalah yang difikirkan masih munasabah dan kompetitif berbanding dengan apa yang dilakukan atau di caj untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing, umpamanya ke *Middle East*, ke negara-negara maju lain. Jadi, itu semua kita lihat Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Boleh saya menambah sedikit Yang Berhormat?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Belum habis?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ini sebab saya sering dikerjakan oleh majikan-majikan [Ketawa] Ini penting. Ini penting. Saya faham dasar kerajaan. Kami pun memperjuangkan bahawa kerajaan memastikan rakyat kita sendiri diberi pekerjaan. Akan tetapi kalau kita suruh dia kerja di ladang-ladang, di rumah, ada tidak? Realiti, yang penting sekali jumlah pekerja asing masuk ke negara, berapa jumlah? Berapa juta? Kalau kira seorang RM1,500 atau RM3,500 yang di caj kepada majikan. Berapa jumlah wang kita akan mengalir kepada luar negara? Itu pertanyaan saya tadi. Boleh tidak kurangkan dengan sistem yang di satukan dengan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh pihak majikan ini yang biasanya ditanggung oleh pihak majikan. Dibayar kepada kontraktor yang membawa pekerja asing ini. Itu maksud saya Dato'.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin boleh dilihat, *actually* di luar negara, sistem kaedah di luar negara. Kalau disatukan, tiga disatukan jadikan dua sahaja ataupun satu jadi- itu maksud Yang Berhormat tadi. *One-stop center* itu semua di situ dibuat tetapi *you taulah luar negara ini dia ada dia punya undang-undang juga*. Dia tidak benarkan integrasi. Itu kita kena tengoklah. Kena tengok secara mana ada yang dia tidak benarkan biometrik, *join* dengan *biomedical*. Tidak dibenarkan. Mungkin harus diperhati tetapi matlamatnya supaya mengurangkan bayaran kepada majikan. Okey, teruskan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Just ada dua soalan tentang ini Dato' Sri. Satu, pemilihan untuk mereka yang membuat saringan di luar negara inilah, macam *biomedic*, syarikat itu dilantik oleh kerajaan kita, satu. *We presumed that the* kita punya *attaché* di luar negara memanglah diberi amanah untuk memilih yang terbaik, yang memang *very competent and reliable*, yang hendak buat *checking-checking* inilah. Lepas itu, kami difahamkan tadi ialah lepas itu semua maklumat ini akan dikumpul, yang lulus ke atau tidak lulus dan akan dihantar ke Malaysia. Bagaimana kita di Malaysia, apakah kita boleh *reject* apa yang telah pun lulus di peringkat di luar ini tadi ataupun *we have a different view* atau terima bulat-bulat *whatever that have been processed overseas? You know?* Kita terima sahaja terus atau macam mana? *Because* lepas ini ada kaitan dengan sistem kita juga. Terima kasih.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, *that is why* tadi langkah-langkah untuk mengurangkan macam kita kata tadi NTL tadi, penghantaran balik. *That is why* ada peranan-peranan

yang dimainkan oleh ISC dan *biomedical* tadi. Akan tetapi masih lagi kalau umpamanya dia datang lagi, dia kena melalui pemeriksaan FOMEMA juga. Jadi, FOMEMA nanti akan kita hendak pastikan supaya mereka adalah benar-benar sihatlah. Umpamanya, bila selepas *one year*, kita masih lagi memerlukan untuk mereka melalui pemeriksaan kesihatan. Supaya kita hendak pastikan pekerja-pekerja ini mereka yang betul-betul sihat dan juga tidak membawa penyakit-penyakit bahayalah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Jadi, saya hendak tanya satu perkara, tentang kita telah memperkenalkan sistem myIMMs sejak tahun 2010. Selepas itu, kita ada buat beberapa peningkatan. Peningkatan, okey. Jadi, setakat ini ada tidak kita mengalami apa-apa bencana dan apakah *back-up service* kita? Oleh sebab dalam keadaan negara kita membangun, pendatang-pendatang begitu banyak sama ada dia pelancong-pelancong ataupun pekerja. Kita tidak berkeupayaan untuk mendapat apa-apa bencana melainkan kita telah bersedia ada satu *back-up system* yang betul-betul canggih. Itu yang pertama.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kedua, setakat ini setakat yang kita telah belanja dari tahun 2010 tadi, berapa kita sudah buat perbelanjaan dan ia adakah keperluan kita untuk meningkatkan lagi kita punya sistem?

**Tuan Pengerusi:** Bagus soalan itu...

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli mesyuarat. Tentunya kita tidak akan berdiam. Jabatan Imigresen seperti mana jabatan-jabatan kerajaan lain sentiasa dinamik. *Dynamic in a sense that*, kalau ada sistem yang ada sekarang ini, kita akan *upgrade*kan sentiasa pemantauan, penilaian kita. Bercakap tentang isu sistem yang kita ada sekarang ini. Kalau kita katakan ada pertambahan-pertambahan dalam modul-modul tertentu misalnya tadi, kita kata ada *advance passenger screening system*. Dia akan memperlengkapkan nanti *screening* kita. Kita ada *facial recognition*, kita ada nanti modul-modul untuk ditambah baikkan. Jadi, tentunya di situ kita perlukan *bandwidth* yang lebih luas lagi. *Bandwidth*, maksudnya diupgradekan sistem dia supaya kecepatan. Kalau sekarang ini kita nampak, bila sahaja di *fingerprint*kan macam tadi ada Yang Berhormat sebut mungkin ada keluar gambar orang lain contohnya. Jadi, kita hendak pastikan perkara ini tidak akan berlaku dengan cara diupgradekan sistem yang ada misalnya.

Kedua, bila kita kata ada pertambahan modul yang saya sebut tadi, ia akan tadi memberatkan sistem yang ada. Akan tetapi bila kita berbincang nanti dengan MAMPU bagaimana kita hendak upgradekan dia punya *bandwidth* dan juga capaian dia dalam masa. Sekarang ini dalam 45 saat contohnya pasport diletakkan, kita harap *clear* misalnya. Akan tetapi kita hendak lagi cepat. Sama juga macam sekarang ini, bila saya sebutkan kita *launchkan* mulai 1 September baru ini, permohonan pembaharuan pasport melalui *online*. Ia akan mempertingkatkan lagi nanti keperluan capaian dalam myIMMS itu sendiri. Jadi, termasuklah *payment* yang hendak dibuat, hendak *crop* gambar, kita kata *auto crop* boleh dibuat. Ini semua memang Yang Berhormat, memang memerlukan- saya *thank you very much for that concern*. Kita sentiasa hendak upgradekan. Akan tetapi dalam masa yang sama kita meneliti balik

apa yang ada sekarang ini kerana kita faham bahawa adanya beberapa kekangan tertentu. Akan tetapi we cannot compromise dengan kualiti. Oleh sebab itu *with the existing system* yang ada kita upgradekan berdasarkan capaian sekarang ini. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita sentiasa melihatkan peluang-peluang untuk penambahbaikan dapat dilaksanakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tanya meneruskan pertanyaan tadi. Apabila kita laksanakan myIMMs, kita telah membelanjakan sejumlah RM544.74 juta. Betul? Kalau kita lihat cadangan dan program-program untuk peningkatan sistem kita, akan melibatkan dengan perbelanjaan RM1.79 bilion. Setakat sampai mana kita boleh hentikan penaikan tarafan sistem Imigresen ini? Ini sudah menjangkau RM1.79 bilion.

**Tuan Pengerusi:** Setakat ini kita telah belanja RM544 juta untuk- betul ya? Kemudian, kita difahamkan hendak tukar lagi syarikat ini. Prestaria. Betul, betul tidak?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Sampai ke RM1.79 bilion. Kita audit...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Setakat ini belum ada keputusan lagi perkara ini tetapi ialah macam biasalah kita- Macam disebut tadi sistem kita bersifat dinamik, kita perlu *from time to time because of* perkara-perkara lain kita perlu *upgrade*, perlu perbaiki mengikut kesesuaian semasa, yang pertama. Kedua, ada cadangan-cadangan daripada pihak swasta. Akan tetapi setakat ini kerajaan belum membuat apa-apa keputusanlah. Jadi, cadangan itu dia boleh *quote* beberapa bilion, *but akhirnya*, kerajaan akan memutuskan ikut kemampuan pihak kerajaanlah. Cadangan ini banyak, bukan sahaja on Imigresen, macam-macam. PDRM jadi *private sector*. Macam-macam cadangan. Jadi, akhirnya kerajaan akan memutuskan Yang Berhormat, sama ada cadangan itu boleh dilaksanakan ikut kemampuan kerajaan, bagaimana dan sebagainyalah. Itu sahaja penjelasan.

■1310

**Puan Carolina Muyang Lileng:** Maklumat yang kita dapat untuk makluman setakat myIMMs, perbelanjaan berdasarkan pada maklumat yang kita dapat Imigresen telah membelanjakan RM544.74 juta untuk sistem keseluruhan sekarang. Kita juga dimaklumkan bahawa KDN akan membuat satu sistem baru untuk Imigresen iaitu dinamakan SKIN yang berjumlah RM1.17 billion itu yang kita dimaklumkan. Cuma kontrak itu sudah *sign* kah, sudah ada kah tidak ada itu kami tidak buat kajian, cuma maklumat yang kita dapat. Semasa kita buat *exit* di masa kita berbincang *exit* dulu di KDN. Itu sahaja.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat macam saya sebutkan tadi ini cadangan daripada pihak syarikat cadangan jadi keputusannya kerajaan akan memutuskanlah. Itu biasalah syarikat kan hendak buat *business* macam-macam strategilah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Tuan Pengerusi, kita ada satu sahaja lagi yang untuk maklum balas yang dimaklumkan iaitu pengurusan pengambilan pekerja asing di negara sumber. Ini memang berstatus kuning dan ini diuruskan di mana dalam proses penilaian proses pengendali badan memperkemaskan draf perjanjian berhubung dengan empat orang pengendali yang telah dilantik oleh kerajaan. Apabila dilaksanakan tentunya perkara ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato' Sri, dalam sistem inilah tentang *something to do it*, kita difahamkan hendak *confirmation* dari Dato' Sri iaitu tentang dalam Imigresen proses pasport *is different system, different vendor*. Dalam membangunkan sistem itu, yang buat pasport lain vendor, yang untuk apa-apa lain vendor. *Is it true or not, dan are this thing integrated*. Itu kedua, soalan pertama, apakah betul *different vendor* untuk membangunkan satu-satu *and then*, keduanya, apakah ianya *integrated* atau tidak? Ketiganya, sekiranya di teruskan yang disebutkan oleh SKIN ini apakah ini sistem yang boleh *bigger system, bigger bandwidth and able to accommodate semuanya tekan sini everybody knows all the cawangan tahu, tak boleh sini lain, sini lain, sini lain*. Apakah dalam SKIN ini *this thing are solve semuanya akan di integrate semua?* Ertinya *everywhere* macam kata orang contoh beginilah Limbang tekan, Putrajaya nampaklah macam itulah. Seluruh negara dapat tahu. Contohnya, apakah *the system that you working on* sekiranya jadilah juga? Itu sahaja.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat sekarang ini urusan semua macam disebutkan dari awal tadi menggunakan sistem myIMMs pasport kah apa urusan *core business* JIM sistem myIMMs. Akan tetapi macam saya sebutkan tadi dengan pelbagai kegiatan ataupun aktiviti tambahan umpamanya biometrik *airport volume* yang tinggi *definitely* kita perlu *upgrade* sistem dari semasa ke semasa. Jadi *again* tertakluk kepada pengurusan kerajaan nanti. Bagaimana dan cara mana memang harapan kita adalah untuk memastikan sistem yang ada ini sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Umpamanya kalau Yang Berhormat biasa lihat di *airport* dengan sistem yang ada sekarang ini memang kita tak dapat nafikan kadang-kadang *hang* lah dan itu menyebabkan proses *clearance* itu *slow because of volume* dan sebagainya.

Jadi yang ini kita memang ada melakukan pemerhatian dan kita pun *received complain* dan kenapa kadang-kadang lambat *clear* dekat *airport international, departures, arrival* dan sebagainya. Jadi semua ini kita akan lihat perkara-perkara ini. Jadi kalau umpamanya ada sistem baru nanti maka semestinya sistem yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Maksud Yang Berhormat tadi meningkat dia buat pasport itu dia fizikal, sistem lain ya, buat pasport ini saya ingat...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Berkaitan dengan...

**Tuan Pengerusi:** Dia bukan *company IT* yang buatkan.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Bukan, buku pasport memang ada vendor lain.

**Tuan Pengerusi:** Vendor lain.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Vendor lain, itu memang sebab itu tak ada kaitan dengan sistem.

**Tuan Pengerusi:** Tak ada kaitan dengan sistem.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Buku pasport memang kita lantik vendor lain.

**Tuan Pengerusi:** Yang buat IC lain ya.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** IC pun lain. IC *under JPN* lah kad pengenalan *under JPN* vendor lain.

**Tuan Pengerusi: Visa?**

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Visa, same under immigration punya.

**Tuan Pengerusi: Paper supplier.**

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Vendor yang sama mengeluarkan buku pasport.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Cuma yang pentingnya Yang Berhormat di mana apabila pasport itu vendor yang lain tetapi dia boleh dibaca oleh myIMMs situ sebab itu ia adalah merupakan satu *big system* yang akan memastikan ia dibaca. *Integration that's right.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** How do you check the vendors since the other one who provide you, supply you with the books? How can you assume that there do not manipulate the books.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kita ada SOP yang tertentu Yang Berhormat untuk dalam kontrak pun kita ada sudah sebutkan ada *spec* dia dan sebagainya seperti *features* apa yang kita perlukan. Di situ kita akan memastikan bahawa buku yang *disupply*, *chip* yang dimasukkan di dalam pasport adalah memenuhi *spec* kita. Jadi kita ada dipanggil *internal* punya kawalan ada IQS dia. Jadi dekat situlah kita pastikan bahawa apa yang dibekalkan kepada jabatan telah memenuhi standard-standard yang telah ditentukan dan yang telah ditetapkan. Setakat ini memang mereka memenuhilah.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kalau saya tambahkan daripada segi statistiknya ada pernah berlaku 0.24% *chip* yang tidak dapat dibaca misalnya so vendor itu yang terpaksa mengendalikan sendiri. Maknanya dia kena menggantikan dengan *chip* yang *reliable*. Jika di *compromise because* kalau tidak nanti pasport yang apabila orang letak di *auto gate* tak boleh baca, tentu *queue* akan panjang dan masalah akan timbul. Pegawai Imigresen sendiri yang akan berhadapan dengan masalah itu. Sebab itu kita pastikan vendor *desk officers* sendiri akan bersama-sama dengan kita *because there are the one should be responsible on that*. Itu memang kita buat. Tapi itu yang kita buat pasal dia yang menyediakan prasarana itu so *they have to take accountability on the product* yang mereka keluarkan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Yang ini saya *lastlah*. Dalam migrasi suatu sistem dari tahun 1995 ini dari *S/M* dari myIMMs sebagainya siapa yang *custodian* hendak pegang jaga semua data dari dulu daripada sistem mula-mula *is it* MAMPU kah ataupun Imigresen yang simpan data semua dan *along the way* Dato' Sri pun cakap tadi pindah-pindah pun boleh hilang juga tercicir. Apakah data-data dalam perpindahan sistem ini siapa yang pegang? *Is it the vendor* pun pegang ataupun MAMPU pegang atau Imigresen ini yang pegang, *because* dalam *migration* ini kita tak hairanlah bukan hanya dalam fizikal. Dalam dunia siber pun dia boleh hilang juga tercicir. Ini kita hendak tanya Yang Berhormat macam mana *because is* data lah kan.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Yang Berhormat, oleh sebab soalan itu soalan akhir ini kan, so jawapan saya memang pastinya...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *It depends on your answer.*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Pastinya Imigresen *is the custodian*. Kenapa saya kata *Immigration is the custodian* sebab kalau orang lain yang pegang termasuk CISCO dan sebagainya kita akan berkompromi dengan sekuriti. *Just imagine, if that database diguna pakai oleh orang lain, this is*

*known of situation. For sure immigration is the one the custodian dan juga kita memastikan firewall kah, dan apa juga database yang kita ada akan protect sebaik mungkin?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Ada satu database di Putrajaya and then recovery.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Di PJ ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Last ya saya mahu keluar ini. *Nothing to do with Audit.* Ini side lain sedikit. Ini ada beberapa kali pihak Imigresen ini berkolaborasi dengan negara-negara lain dan apakah jenis perbincangan yang sulit tak perlu bagi, yang biasanya bagilah *information* sebab ini makluman kepada rakyat kita yang memuji dan memberi semangat ke Jabatan Imigresen.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Terima kasih Yang Berhormat. *I think that's very good question* lah dan juga cara mana kita menjalankan pelaksanaan kerja kita dengan satu *due diligence* dan juga meningkatkan kecekapan kita.

■1320

Pertamanya, di negara Asean memang ada apa yang dipanggil Mesyuarat Ketua-ketua Pengarah Jabatan Imigresen, termasuk dengan *High Commission* yang berkaitan. Di situ misalnya, pada 19 hingga 23 September ini akan ada mesyuaratnya yang diadakan dan di situ lah kita gunakan kesempatan, kita berkongsi maklumat berkongsi kepakaran selain daripada *how to upgrade*, berkongsi mengenai kemasukan misalnya, contoh orang Myanmar datang ke Malaysia kita ada Imigresen nanti dia punya DG Imigresen. Contoh baru-baru ini, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berbincang dengan rakan sejawat dari Thailand, saya berjumpa dengan dipanggil *High Commissioner* Jabatan Imigresen mereka, biro dia. So, dalam perbincangan itu kita ada perbincangan-perbincangan rasmi dan tidak rasmi tetapi dalam satu perbincangan rasmi kita buat.

Keduanya, daripada segi kolaborasi yang kita buat. Kita ada duta-duta asing di negara kita. Baru-baru ini contohnya saya berjumpa dengan duta dari Yaman, duta dari Iraq dan sebagainya. Itu juga merupakan satu lagi peluang untuk kita berbincang dengan mereka. Kalau ada negara-negara sumber misalnya yang memberikan pekerja asing kepada negara kita sebagai sumbernya itu, so satu kolaborasi yang kita buat bagi memastikan *what are the do's and the don'ts* daripada peringkat mereka, apa yang mereka patut lakukan, apa yang patut kita lakukan. Jadi, dengan perbincangan itu kita dapat satu kesepadan tindakan dan akhirnya, apa juga *grouses* yang ada dapat kita tangani dan apa juga kecepatan membuat keputusan, kita juga dapat laksanakan. *Thank you.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Okey, sedar atau tidak pihak Imigresen, persepsi rakyat kita ini selalu kalau ada masalah imigran, yang ditundung jari pihak Imigresen. Sedar atau tidak? Adakah pihak Imigresen membuat media *conferencing* bahawa pelaksanaan apa yang negara kita buat menjadi teladan kepada negara lain yang boleh menghilangkan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen kita? Adakah dia buat ini?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, saya boleh jawab sebelum KP hendak tambah. Pertama sekali memang kita ada, kita buat *statement* membuat kenyataan dan sebagainya

tentang pencapaian, tentang usaha-usaha kita mengatasi pelbagai masalah berkaitan dengan kemasukan *illegal immigrant* dan sebagainya. Akan tetapi apa yang lebih penting selain daripada KDN dan juga jabatan, kita juga memerlukan *third party validators to assist* kita untuk *explain* apa yang telah kita buat supaya penjelasan kita ini lebih diterima. Oleh sebab kalau Imigresen cakap umpamanya, KDN cakap, seolah-olah kita macam *very defensive*. Kita ada buat, kita ada cakap tetapi *as usual* dalam era sekarang ini, bila pegawai ketua pengarah cakap, dia kata inilah, itulah dan sebagainya. Jadi, kita mengharapkan juga Ahli-ahli Yang Berhormat umpamanya, *to assist* jabatan dan KDN untuk *explain to the* mereka yang mempertikaikan ataupun menyatakan sesuatu yang mungkin boleh menjelaskan, akhirnya kepada aspek keselamatan dan juga ketenteraman awam. Jadi, saya ingat *third party* punya penjelasan juga diperlukan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Anybody. NGOs, YB-YB *[Ketawa]* As long as benda itu positif kepada jabatan dan juga kementerian *and* negara *as a whole*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Kadang-kadang kami bising.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Sorry.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Tidak apa bising itu...

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kita anggap sebagai satu *feedback to the* jabatan.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Saya ingin mengambil contoh, saya hendak lanjutkan apa yang Dato' Sri KSU sebut tadi. Contoh semalam, apabila masih lagi ada kedengaran misalnya di *airport* yang *queue* panjang dan sebagainya. Apa yang kita buat, semalam saya berjumpa sebab kita hendak mendengar denyut nadi masyarakat, berjumpa dengan kita punya pelanggan. Betul, ada yang *queue* panjang, kita dapat suraikan.

Semalam saya berjumpa, buat satu *meeting*, bercakap dari hati ke hati bersama dengan *Malaysia Airport* misalnya. Kita berjumpa dengan *airlines* punya *registration*. Oleh sebab *they cannot just pin point* kata Imigresen sahaja. Kaunter, itu betul dilaksanakan oleh Imigresen. Akan tetapi *airlines*, apabila dikatakan sistem pembukaan kaunter-kaunter, dia buka dua jam. Orang yang menunggu untuk mendaftar *check-in* dan sebagainya sudah jadi panjang dan bila panjang, *45 minutes before departure* mereka akan berada nanti di *boarding area*. Sebelum sampai situ, kaunter Imigresen akan di *bombarded* dengan *queue* yang panjang. So, kita leraikan. Dengan MAB misalnya semalam saya kata, "Pasanglah *digital Board* itu...", *digital signboard* bagi menyuraikan orang. Kita boleh sediakan pegawai Imigresen tetapi berapa ramai?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Gambar di *Philippines*, kau gambar di *China*, kau gambar di *United States* bagi perbandingan.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Itu yang kita buat tapi *Alhamdulillah* kita dapat kerjasama yang baik...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Akan tetapi yang tiga jam belum selesai.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Betul tapi apabila dekat negara kita, 45 minit masanya orang *complain*, di negara lain dua jam orang beratur.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Belum Jeddah lagi.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Kita buat, kita buat.

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tidak berani minta.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Hendak buat itu.

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Akan tetapi *thank you very much* Yang Berhormat atas *feedback* yang kita dapat tadi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dato', Dato'.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Kau bilang *last* tadi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini memang mengakulah, ini lain sikitlah Dato' Sri. Itu cerita fasal- Jeddah lagi lamalah. Kalau Imigresen dekat Jeddah lagi lamalah [Ketawa] Ini yang terbarulah, *is okay on record*, tentang disebut tadi tentang KP tentang permasalahan di pintu masuk, pintu masuk, termasuklah dengan sistem-sistem. Ambillah contoh di sistem di sempadan Brunei dengan Limbang di Pandaruan dan juga di sebelah Kuala Lurah-Tedungan. Sebelum ini Timbalan Menteri KDN, Dato' Sri Wan Junaidi datang dan telah disuarakan di Parlimen iaitu permasalahan sistem itu sendiri. Maksudnya, daripada segi *line* dan sebagainya. Perkara itu memang penting, memang menyebabkan antara punca kenapa *queue* boleh panjang. Keduanya, ialah dia punya kaunter dekat Pandaruan, negara Brunei sudah buka banyak kaunter, kita masih dua lagi. Itulah di antara saya dapat *feedback* daripada pegawai juga di sana dan mereka *on the ground-* sekejap ya.

Ketiganya ialah iaitu yang baru-baru ini KDN, khususnya bahagian Imigresen bersama Timbalan Menteri ke Limbang tentang hendak penutupan sempadan pada pukul enam petang dan perkara ini telah disebar luas daripada media massa di negara jiran. Oleh sebab itu benda ini terbocor, terbongkar. Pada hal ia peringkat cadangan sahaja ataupun hendak di perbincangan tetapi malangnya telah pun terkeluar daripada media negara jiran dan benda itu menjadi *viral*. Saya terpaksa menjawab kepada rakyat, rakyat begitu marah kalau di tutup pukul enam, seolah-olah Limbang ini di *curfew*, pukul 6 petang itu memang perkara ini- jadi, saya semasa hari kebangsaan hari itu saya teruskan sebab rakyat sudah mengaitkan apa erti kemerdekaan begini. Ini menjadi serius.

Jadi, perkara itu saya sudah menyatakan, saya minta sebab ini berkaitan juga tentang sistem, kaunter, cukup, tidak cukup, bagaimana. Saya menyuarakan memang perkara itu mesti dikaji, tidak boleh hendak dipendekkan dulu, pukul 10, PM sambung pukul 12, ini kita hendak bagi lagi pukul enam petang. Ya, kita *recognize* tentang kemasukan pengganas, *smuggling* senjata dan sebagainya, memang. Jadi, saya selaku wakil rakyat dan juga Ahli PAC mungkin ini juga memang keselamatan negara kita, kita menyuarakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Ambil kesempatanlah itu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Memanglah. Jadi, bukan apa, perkara ini menyebabkan bukan hanya Limbang, Sabah, Sarawak.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Saya pergi Limbang lapan kali cop.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itu tidak apalah, janji selamat. Jadi, perkara ini kena minta dilihat supaya ia tidak menjadi diputuskan, *become a ruling*. Kalau boleh kita mintalah mungkin untuk membantu Jabatan Imigresen itu sendiri, saya suarakan supaya apa salahnya pihak polis, pihak tentera, NBOS semua, mengetatkan sempadan kita lagi membantu Imigresen. Oleh sebab kita tahu Imigresen pun tidak mampu buat sendiri sebab Limbang itu boleh kata dalam dua juta setahun pintu masuk.

**Tuan Pengerusi:** Pasal request from Limbang, *I hope can...*

**Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali:** Mengenai Limbang, sebenarnya dalam minggu kedua saya sebagai KP Imigresen saya sudah sampai. Saya pergi ke Miri, Sungai Tujoh, pergi ke Limbang, ke Lawas sampai ke KK. *Along the way* ditaklimatkan dan kita sudah mengambil tindakan-tindakan segera berhubung dengan kaunter, *even* hendak katakan *ramp* apabila dikatakan kaunter-kaunter itu dibuat tinggi kerana untuk laluan bas tetapi untuk kereta memang jadi tinggi kaunter, itu pun sudah kita tandatangani sudah isu-isu itu.

Mengenai penutupan pukul enam, Yang Berhormat Masir sendiri berkata "...*a wrong statement quoted by media...*" atau sesiapa yang sosial mediakan. Dia telah menjelaskan bahawa tidak ada kenyataan itu dibuat, semalam pun bercakap lagi dengan Yang Berhormat Masir, dia kata sebenarnya memang pukul 12 masih lagi *maintain. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, bagi pihak PAC saya rasa puas hati tentang penjelasan yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia. Cuma nama-nama berbeza, pelik. Kalau Amerika dipanggil apa....

**Seorang Ahli:** *Border force.*

**Tuan Pengerusi:** *Border force*, macam-macam tapi kita sudah Imigresen, jadi *insya-Allah* kita akan berhubung dari semasa ke semasa dan meneliti supaya- ini hendak keluar lagi ini Laporan Audit ini? Hendak keluar lagi- yang kena tangkap-tangkap itu, apa tu Dato'?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang di mana, yang di Imigresen kah, manakah?


**Tuan Pengerusi:** Imigresen, daftar- virus kah apa itu ? Pegawai-pegawai- sabotaj?

**Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Oh, yang apa itu, isu maklumat semua itu kah ?

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sabotajlah. Okey, terima kasih. Kita ada sediakan makan, cukup saya ingat di bilik jamuan bawah. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pegawai. Okey, Mesyuarat ditangguhkan.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.31 petang.]**

**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**LATAR BELAKANG**

- myIMMs dibangunkan bagi menyokong operasi JIM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan *stakeholders*.
- Merangkumi 3 komponen iaitu **aplikasi**, **rangkaian** dan **pusat data** yang membolehkan pengguna melaksanakan proses kemasukan, pemprosesan, pengesahan, penghantaran dan penyimpanan maklumat dari pejabat Imigresen ke pangkalan data dan sebaliknya.
- MOF meluluskan pelantikan HeiTech Padu Berhad secara rundingan terus kontrak myIMMs bernilai RM29.9 juta dan telah ditandatangani pada 1 November 2010 bagi tempoh 1 tahun mulai 1 Mac 2010 - 28 Februari 2011.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia		
SKOP DAN KOS KONTAK		
BIL.	PERKARA	KOS (RM JUTA)
1.	Perkhidmatan Aplikasi – Kos Pebekalan, Pembangunan dan Perundingan Sistem myIMMs	6.00
2.	Perkhidmatan Pusat Data – Kos Pembekalan & Perundingan Menaik Taraf perkakasan dan Sistem Kerangka Utama Pusat Data	11.70
3.	Perkhidmatan Pemulihian Bencana – Kos Langganan Perkhidmatan dan Fasiliti	1.90
4.	Perkhidmatan Aplikasi <i>Automated Fingerprint Identification System (AFIS)</i>	10.30
JUMLAH		29.90

KEMENTERIAN DALAM NEGERI Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia		
LATAR BELAKANG		
myIMMs meliputi 2 jenis pembangunan aplikasi iaitu:		
PENAIKTARAFAN		PEMBANGUNAN BARU
Sistem Kawalan Imigresen		Sistem Visa Pas
Sistem Keselamatan		Sistem Penguatkuasa Bersepadu
Sistem Pasport dan Dokumen Perjalanan		Sistem Aplikasi eServices
Sistem Permit Masuk dan Sijil Agensi Link-up Perakuan Taraf		
Sistem Kawalan Stok		Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (MIS)
		Kemudahan Biometrik

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**SKOP PENGAUDITAN**

- Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan myIMMs bagi tempoh 2011 hingga 2014.
- Aplikasi yang diaudit adalah Modul Visa Pas, Modul Pekerja Asing, Modul Pengurusan Pekerja Asing, Sistem Kawalan Imigresen, dan Kemudahan Biometrik.
- Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JIM, Putrajaya serta 6 Pejabat Cawangan JIM iaitu Johor Bahru, Shah Alam, Kuching, Seberang Prai, Tawau dan Sandakan yang merupakan pintu masuk/keluar utama Malaysia bagi warganegara asing, warganegara dan penduduk tetap.
- Pengauditan dilaksanakan di pejabat Atase JIM di Jakarta, Indonesia, Dhaka, Bangladesh dan Kathmandu, Nepal yang merupakan negara sumber pekerja asing tertinggi bagi menilai pengurusan pengeluaran VDR.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**METODOLOGI PENGAUDITAN**

- Semakan terhadap:
  - i. rekod dan dokumen berkaitan pengurusan kontrak;
  - ii. pembangunan sistem; dan
  - iii. pengendalian dan pemantauan terhadap perubahan sistem.
- *Walkthrough* sistem;
- Temu bual dengan pegawai yang berkenaan;
- Analisis terhadap data myIMMs mengikut skop pengauditan; dan
- Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan/aset di lokasi yang menggunakan myIMMs.

## PENEMUAN AUDIT

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENCAPAIAN FIZIKAL**

**PENEMUAN AUDIT**

- myIMMs hendaklah disiapkan dalam tempoh 1 tahun iaitu mulai 1 Mac 2010 - 28 Februari 2011.
- Pelanjutan masa telah diluluskan oleh MOF selama 3 bulan sehingga 31 Mei 2011.
- Sehingga 31 Mei 2011, prestasi pelaksanaan projek adalah sebanyak 96% sahaja.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Projek myIMMs telah selesai sepenuhnya pada 13 Julai 2012. Punca kelewatan adalah:*

- i. *Kerja-kerja pembangunan hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh 9 bulan sahaja sedangkan tempoh pembangunan adalah selama setahun;*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PENCAPAIAN FIZIKAL**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- iii. Sistem Pengurusan Hasil, Sistem Pengurusan Stok dan Sistem Pengurusan ID Pengguna perlu dibangunkan semula bersetujuan dengan keperluan baru (pembangunan Sistem Visa);*
- iv. Sistem Penguatkuasaan dan Depot telah diputuskan untuk dibuat pembangunan semula keseluruhan menggunakan platform yang baru;*
- v. Syarikat mengambil masa yang lama untuk membuat migrasi data dari Sistem Visa Pas (SVP) yang dibangunkan oleh Guthrie Technologies Sdn. Bhd. kerana tidak ada sebarang dokumen sokongan yang boleh dirujuk;*
- vi. Memberi laluan kepada pembangunan Sistem 6P (26.01.2011 sehingga 02.05.2012) dan integrasi dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk dan Sistem Pekerja Asing di bawah myIMMs. Semua pintu masuk sebanyak 85 lokasi telah dipasang dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk berintegrasi dengan Sistem Biometrik pada 1 Jun 2011;*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PENCAPAIAN FIZIKAL**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- vii. Perubahan proses kerja yang banyak secara langsung perlu perubahan kepada sistem;*
- viii. Proses migrasi data dari database Oracle ke DB2 hanya bermula pada Januari 2011 dan mengambil masa terlalu lama; dan*
- ix. Data Sistem Visa Pas lama tidak berpusat dan jumlah table (fields melebihi 400).*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PENGURUSAN PROJEK**



**PENEMUAN AUDIT**

Proses perolehan myIMMs telah dibuat sebelum mendapat kelulusan JTICT MAMPU dan kertas makluman tidak dikemukakan kepada JTICT MAMPU untuk pandangan teknikal mengenai komponen ICT.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Sistem pengkomputeran JIM adalah amat kritikal dan merupakan nadi utama Jabatan dalam memastikan semua fungsi utamanya berjalan dengan lancar terutamanya dalam mengawal pintu masuk Negara. Sehubungan itu, lanjutan daripada penamatan kontrak SIM yang gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, MyIMMs yang dibangunkan oleh HeiTech Padu Berhad terpaksa roll back dengan kadar segera sebagai sistem penyelamat bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan dan mencegah krisis peringkat nasional bagi menjaga imej Negara.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PENGURUSAN PROJEK**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

*Permohonan kelulusan MOF bagi pelaksanaan myIMMs dan permohonan rundingan terus telah diambil maklum oleh Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 3 tahun 2009 bertarikh 30 November 2009. Permohonan tersebut dibuat selepas spesifikasi teknikal diluluskan oleh JPIC KDN dan semakan oleh PPICT, MAMPU pada 10 September 2009. Selain itu, Mesyuarat JITIK Bil. 1 tahun 2010 bertarikh 5 Mac 2010 juga telah mengambil maklum bahawa MOF telah meluluskan permohonan untuk melaksanakan myIMMs dengan Syarikat HeiTech Padu Berhad dengan anggaran kos RM30 juta melalui surat MOF bertarikh 28 Disember 2009.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**TEMPOH PERJANJIAN**

**PENEMUAN AUDIT**

- Tempoh perjanjian lebih awal dari kelulusan rundingan terus MOF dan pengeluaran SST.
- Perjanjian telah ditandatangani pada 1.11.2010 bagi 1 tahun bermula 1.3.2010 – 28.2.2011.
- MOF hanya memberi kelulusan pada 5.5.2010 dan SST dikeluarkan pada 11.5.2010 oleh KDN.

**MAKLUM BALAS JIM**

*MOF telah meluluskan perolehan myIMMs secara rundingan terus dengan HeiTech Padu Berhad (HTP) melalui surat S/K.KEW/PK/M/210/000000/110/143 JLD 2 SJ 9.1 (12) bertarikh 28 Disember 2009. Oleh itu, perjanjian perolehan myIMMs yang telah ditandatangani bersama pihak Syarikat bagi tempoh 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011 adalah dimeterai selepas mendapat keputusan Kementerian Kewangan Malaysia tersebut..*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**TEMPOH PERJANJIAN**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

*Perolehan Projek myIMMs merupakan kesinambungan kepada Projek Pembangunan Semula (SIM) oleh Multimedia Glory Systems Sdn. Bhd. (MGSSB) yang ditamatkan kerana gagal menyempurnakan projek SIM. Oleh itu, bagi mengurangkan implikasi kesan penamatan kontrak Syarikat tersebut, projek myIMMs telah dilaksanakan secara segera berikutnya terdapat keperluan yang amat mendesak terhadap isu keselamatan Negara. Tindakan segera terhadap pelaksanaan projek ini diperlukan bagi mengelakkan Negara terdedah kepada ancaman keselamatan terutama dalam mengawal kemasukan pelawat di pintu-pintu masuk Negara gagal secara keseluruhannya berikutan ketiadaan sistem pengkomputeran.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PEMBAYARAN TANPA DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP**

**PENEMUAN AUDIT**

18 baucar bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian. (**Improper payment**)

**MAKLUM BALAS JIM**

*Pembayaran dibuat berdasarkan pengesahan perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Dokumen sokongan yang berkaitan dengan setiap pembayaran ada disertakan.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**KEMUDAHAN BIOMETRIK**

**PENEMUAN AUDIT**

- Kemudahan biometrik myIMMs bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai (**pembaziran**) di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warganegara Malaysia kerana menggunakan NERS; dan
- Dokumen pergerakan pengimbas cap jari ke depot tahanan/bahagian pasport tidak ada dalam simpanan.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Mesyuarat Biometrik Warga Asing Melalui Nexbis Sdn. Bhd. bertarikh 16 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah memutuskan bahawa Nexbis dibenarkan menggunakan mana-mana teknologi selain daripada sistem Sagem Morpho yang dibangunkan dalam myIMMs bagi pengambilan biometrik menggunakan teknologi dermalog.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**KEMUDAHAN BIOMETRIK**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

*Server Biometrik Sagem akan digunakan untuk pembangunan aplikasi dalaman seperti Sistem E-Kursus, Sistem Pergerakan Kakitangan mulai 2 Mei 2016.*

*Pengimbas cap jari telah diagihkan kepada cawangan melalui surat no. Rujukan IM.101/HQ-D/1122/26 (41) bertarikh 16.11.2011 sebanyak 24 unit sagem reader telah digunakan di cawangan JIM untuk urus niaga pasport manakala 90 unit akan digunakan untuk pelaksanaan UIDM Versi 2 yang dijangka siap pada bulan Ogos 2016.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**KEMUDAHAN BIOMETRIK**



**GAMBAR 23.1**  
*Pintu Keluar/Masuk Stuleng Laut, Jabatan Imigresen Johor, Johor Bahru, Johor  
- Pengimbas Cap Jari Di Pintu Keluar/Masuk (13.10.2015)*



**GAMBAR 23.2**  
*Pusat Data JIM, Putrajaya  
- Server Kemudahan Biometrik Yang Tidak Digunakan (30.12.2015)*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**eSERVICES**

**PENEMUAN AUDIT**

3 sistem tidak diguna pakai oleh pihak JIM (**pembaziran**) iaitu:

- Permohonan Pas Pelajar
- Permohonan Pekerja Asing
- Permohonan Pas Penggajian

Diganti dengan:

- *Education Malaysia Global Services (EMGS);*
- Permohonan Lanjutan PLKS pekerja asing - MYEG Sdn Bhd;
- Permohonan Pas Penggajian - TalentCorp Malaysia.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Kemudahan permohonan Pas Pelajar, permohonan Pekerja Asing dan permohonan Pas Penggajian secara atas talian telah dibangunkan di dalam Projek myIMMs. Bagaimanapun perubahan dasar telah menyebabkan pembangunan sistem baru oleh kontraktor-kontraktor.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**AGENCY LINK UP**

**PENEMUAN AUDIT**

myIMMs tidak mempunyai kemudahan *Agency Link-Up* dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memeriksa kesahihan data dan status hidup/mati majikan.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Projek myIMMs telah melaksanakan Agency Link-Up dengan semua agensi yang terlibat. Penyemakan pemohon pasport menggunakan Agency Link-up kepada JPN telah dilakukan sepenuhnya sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, tiada keperluan lagi untuk membuat semakan status hidup/mati majikan oleh agensi melalui integrasi JIM-JPN.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia




**USER ACCEPTANCE TEST**

**PENEMUAN AUDIT**

- i. Kontrak tidak menyatakan bilangan pegawai yang menjalankan UAT;
- ii. UAT dilaksanakan oleh 1 atau 2 orang pegawai Imigresen bagi setiap modul dan tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut.
- iii. SAP ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan, tidak disahkan oleh pegawai Imigresen dan tanpa laporan UAT; dan
- iv. Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan *stress test*.

**MAKLUM BALAS JIM**

- *Pengujian telah dilaksanakan dengan teliti dan meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut. Ujian UAT melibatkan wakil BTMR dan pengguna-pengguna mengikut modul bagi bahagian yang berkaitan.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**USER ACCEPTANCE TEST**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- *Pengesahan ujian UAT ditandatangani oleh wakil pengguna seperti yang ditetapkan dalam Sijil Penerimaan UAT. Penambahbaikan/pembetulan ada dilakukan selepas UAT dan akan disahkan semasa pelaksanaan sesi pilot melalui Dokumen Pengesahan (PAT). Penambahbaikan ke atas prosedur pengujian sistem akan dibuat secara berterusan tertakluk kepada perubahan polisi, dasar dan keperluan pengguna.*
- *Stress Test telah dibuat berskala kecil bersekali dengan UAT.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PROVISIONAL ACCEPTANCE TEST**

**PENEMUAN AUDIT**

Tiada laporan *Provisional Acceptance Test (PAT)* bagi Sistem Visa & Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang, Sistem SDPKI, Sistem FTF dan SAP.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Ujian Penerimaan Sementara (PAT) telah dilaksanakan dan telah disahkan melalui Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PERKHIDMATAN PEMULIHAN BENCANA**

**PENEMUAN AUDIT**

- Kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya.
- Perkhidmatan tersebut hanya beroperasi selama 8 bulan bermula Julai 2010 - Februari 2011 dengan kos RM1.8 juta.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Bermula pada tahun 2014, perkhidmatan pemulihan bencana telah dilaksanakan menggunakan DRC MAMPU di Petaling Jaya.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**UJIAN PEMULIHAN BENCANA**

**PENEMUAN AUDIT**

- Ujian pemulihan bencana pertama dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana BTMR JIM pada 10 - 13.11.2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya, Selangor.
- Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor tetapi pembayaran RM50,000 telah dibuat (**Improper payment**).

**MAKLUM BALAS JIM**

*Pihak JIM telah menghantar surat permohonan rebate berjumlah RM50,000 pada 19 Januari 2016 No. Rujukan IM101/HQ-D(s)/978/1/JLD.3(14) kepada pihak kontraktor bagi tuntutan ke atas "Kegagalan kontraktor melaksanakan ujian pemulihan kedua." Pihak kontraktor telah bersetuju untuk membayar balik tuntutan bayaran balik invois (1811001552) No. Rujukan HTP/PSG/JIM/LET/2016/ 0303(1) bertarikh 3 Mac 2016.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PELAN PEMULIHAN BENCANA IT**

**PENEMUAN AUDIT**

- Kontraktor tidak menyemak dan mengkaji semula pelan pemulihan bencana IT sebelum melaksanakan perkhidmatan pemulihan bencana.
- Laporan Ujian Pemulihan Bencana menunjukkan tempoh pemulihan keseluruhan myIMMs mengambil masa selama 67 jam dan 20 minit.

**MAKLUM BALAS JIM**

- Mulai tahun 2014, kaedah DRC yang digunakan ialah mirroring data di antara Pusat Data di JIM ke DRC MAMPU. Proses untuk memulihkan operasi seperti sediakala mengambil masa selama 4 jam.*
- Pihak JIM telah membuat semakan Pelan Pemulihan Bencana IT. Semua versi pelan pemulihan bencana IT telah diserahkan kepada pihak Audit kecuali versi 3.5 kerana ia tidak berkaitan dengan kontrak myIMMs*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA - PELAPORAN**

**PENEMUAN AUDIT**

- Laporan yang dijana daripada Modul eReporting myIMMs pada tarikh yang berlainan iaitu pada 30.4.2015 dan 14.1.2016 menunjukkan bilangan cetakan pelekat PKLS bagi tahun 2013 dan 2014 berbeza iaitu sebanyak 315 dan 460 masing-masing.

**MAKLUM BALAS JIM**

- Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafikal pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang diusahakan.
- JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka akan siap pada Disember 2016.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA - PELAPORAN**

**LAPORAN JANAAN myIMMs BAGI 2 HARI BERLAINAN**

TAHUN	BILANGAN CETAKAN PELEKAT PLKS JANAAN PADA 30.04.2015	BILANGAN CETAKAN PELEKAT PLKS JANAAN PADA 14.01.2016	PERBEZAAN
2013	1,573,937	1,574,252	315
2014	2,161,892	2,162,352	460
JUMLAH	3,735,829	3,736,604	775

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA - PELAPORAN**

**PENEMUAN AUDIT**

- ii. Laporan yang dijana melalui modul *eReporting* myIMMs tidak tepat kerana maklumat yang diperolehi berbeza dengan hasil analisis Audit terhadap data dari pangkalan data myIMMs.
- iii. Audit dimaklumkan oleh Bahagian Penguatkuasaan, operasi penguatkuasaan terhadap pekerja asing yang bekerja melebihi tempoh pas adalah melalui aduan yang diterima sahaja disebabkan penjanaan laporan dan statistik yang tidak tepat.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA - PELAPORAN**

**MAKLUM BALAS JIM**

- *Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafikal pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang dilusahakan.*
- *JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka akan siap pada Disember 2016.*

<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia						
<b>INTEGRITI DATA - PELAPORAN</b>						
<b>PERBANDINGAN ANTARA LAPORAN JANAAN myIMMs DAN HASIL ANALISIS AUDIT BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2014</b>						
<b>NEGARA SUMBER</b>	<b>PERANGKAAN PLKS MENGIKUT WARGANEGARA BAGI SEKTOR PEMBINAAN, PEMBUATAN, PERKHIDMATAN, PERLADANGAN DAN PERTANIAN</b>					<b>2014</b>
	<b>2013</b>	<b>JANAAN myIMMs (A)</b>	<b>ANALISIS AUDIT (B)</b>	<b>PERBEZAAN (A - B)</b>	<b>JANAAN myIMMs (C)</b>	<b>ANALISIS AUDIT (D)</b>
Indonesia	519,799	749,736	(189,936)	775,329	469,600	305,829
Nepal	236,426	281,450	(43,024)	306,978	204,918	101,460
Bangladesh	262,727	266,060	(2,333)	262,166	166,214	105,952
India	106,096	105,635	461	134,600	68,228	46,372
Myanmar	121,698	135,365	(13,667)	112,840	72,036	40,604
Pakistan	39,876	45,144	(5,268)	63,485	42,392	21,093
Thailand	32,900	33,447	(547)	40,109	25,268	14,841
Vietnam	35,837	39,453	(3,616)	31,444	20,289	11,155
Filipina	8,930	24,384	(15,454)	23,732	15,762	7,970
China	8,090	9,232	(1,142)	13,177	8,386	4,792
Kemboja	4,600	4,717	(117)	4,672	2,761	1,821
Sri Lanka	2,934	3,057	(423)	3,326	2,223	1,103
Laos	27	28	(1)	25	16	9
<b>JUMLAH</b>	<b>1,381,940</b>	<b>1,657,007</b>	<b>(275,067)</b>	<b>1,770,983</b>	<b>1,107,982</b>	<b>663,001</b>

<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia						
<b>INTEGRITI DATA – MIGRASI DATA</b>						
<b>PENEMUAN AUDIT</b>						
<ol style="list-style-type: none"> <li>Semakan terhadap Laporan Aktiviti Pengesahan Data bagi migrasi data mendapati data hilang, tidak lengkap dan tidak tepat.</li> <li>Data SIM tidak dapat dimigrasi ke myIMMs kerana data sistem tersebut tidak dapat diakses berikutan penamatkan kontrak SIM.</li> </ol>						
<b>MAKLUM BALAS JIM</b>						
<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Proses perpindahan data dari Sistem Visa Pas (SVP) ke myIMMs melibatkan proses migrasi data dan juga proses penukaran format data dari pangkalan data Oracle SVP ke pangkalan data DB2 myIMMs telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Semasa migrasi dilaksanakan pihak kontraktor tidak dibekalkan dengan dokumen struktur pangkalan data SVP yang terperinci dan memberi kesan kepada proses pemetaan data.</i></li> </ul>						

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA – MIGRASI DATA**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- *Penambahbaikan yang dibuat bagi mengatasi masalah data adalah menyediakan fungsi record recovery facility yang dihadkan kepada pegawai tertentu sahaja. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA – MIGRASI DATA**

**PENEMUAN AUDIT**

- Analisis data Sistem Visa dan Pas myIMMs tahun 2012 - 2014 mendapati pertindihan nombor pelekat PLKS yang sama bagi pekerja asing yang berlainan berdasarkan semakan nama pekerja dan dokumen perjalanan.
- Cetakan pelekat yang terlibat adalah pada masa yang berlainan.
- Pertindihan disebabkan proses migrasi data dari sistem lama (SVP).

**MAKLUM BALAS JIM**

*Bermula tahun 2015, sistem telah ditambah baik bagi menyemak nombor siri yang telah wujud sebelum boleh dicetak oleh pengguna. Pada masa yang sama pembetulan dan penambahbaikan data tahun sebelumnya dibuat melalui kaedah batch run dan mengikut kes. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**INTEGRITI DATA – MIGRASI DATA**

**PERTINDIHAN NOMBOR PELEKAT PLKS**

TAHUN	BILANGAN SAMPEL DIANALISIS	BILANGAN PERTINDIHAN NOMBOR PELEKAT	BILANGAN PEKERJA ASING TERLIBAT	(%)
2012	277	151	303	54.5
2013	738	693	1,386	93.9
2014	16,964	311	622	1.8
<b>JUMLAH</b>	<b>17,979</b>	<b>1,155</b>	<b>2,311</b>	<b>6.4</b>

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING**

**PENEMUAN AUDIT**  
3,577 pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus *unfit*.

**MAKLUM BALAS JIM**

- Setiap pekerja asing yang memasuki Malaysia untuk diambil bekerja perlu lulus pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur pemeriksaan kesihatan adalah berbeza untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING**

**MAKLUM BALAS JIM**

- Situasi ini berlaku sekiranya pihak FOMEMA hanya mendaftar keputusan awal pemeriksaan asas kesihatan yang menunjukkan pekerja tersebut layak untuk bekerja. PLKS akan dikeluarkan oleh JIM setelah laporan awal ini diperolehi. Setelah keputusan terperinci diperolehi selepas beberapa bulan maklumat ini akan dihantar semula ke dalam myIMMs sekali lagi. Bagaimanapun pihak JIM tidak dapat membatakan PLKS yang dikeluarkan kerana ia hanya tidak dapat dikesan melalui sistem kecuali melalui semakan semula.*
- Pengurusan memberi kuasa kepada Pegawai Penyella/Kanan untuk meluluskan PLKS kepada pekerja asing yang unfit dalam sistem dalam kes-kes terpencil dan khas setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Rayuan Imigresen Malaysia (JKRIM).*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia



**PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING**

**REKOD PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING BERSTATUS UNFIT DIKELUARKAN PLKS**

TAHUN	BILANGAN SAMPEL DIANALISIS	BILANGAN PEKERJA ASING BERSTATUS UNFIT
2012	761,411	0
2013	1,017,575	50
2014	699,018	3,527
JUMLAH	2,478,004	3,577

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**KELULUSAN LANJUTAN PLKS**

**PENEMUAN AUDIT**

8,975 permohonan lanjutan PLKS melalui sistem MyEG bagi tahun 2013 dan 2014 telah diluluskan oleh pengendali MyEG secara automatik dan atas talian tanpa semakan dan kelulusan pegawai Imigresen.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Standard Operating Procedure (SOP) Pembaharuan PLKS Secara Online oleh MyEG tidak membenarkan kelulusan lanjutan atas talian dibuat secara auto approval. Pegawai Undang-undang JIM juga telah menasihatkan supaya transaksi ini dihentikan kerana ia menyalahi Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Selain itu, Bengkel MyEG Performance Review yang telah diadakan oleh JIM pada Januari 2016 telah memutuskan supaya pihak MyEG memberhentikan transaksi auto approval dengan serta merta.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**KELULUSAN LANJUTAN PLKS**

**KELULUSAN LANJUTAN PAS PEKERJA ASING OLEH PENGENDALI MYEG**

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
2012	0
2013	1,940
2014	7,035
<b>JUMLAH</b>	<b>8,975</b>

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**PENEMUAN AUDIT**

- i. KDN melaksanakan tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara melalui *Immigration Security Clearance* (ISC) oleh S5 Systems Sdn. Bhd dengan caj sejumlah RM105 bagi setiap warga asing bagi memastikan individu tersebut tidak mempunyai sebarang rekod Bio-SL atau SL.
- ii. Kerajaan menetapkan pemeriksaan kesihatan di negara asal serta permohonan VDR melalui BioMedical dan eVDR oleh Bestinet Sdn. Bhd. dengan caj sejumlah USD30 bagi setiap warga asing bermula pada 15 Jun 2015 di semua negara sumber.
- iii. OSC bertanggungjawab menerima permohonan daripada orang awam dan agen dengan caj sejumlah RM100. Manakala VLN beroperasi sebagai sistem sokongan untuk memproses permohonan visa dengan caj sejumlah RM105.
- iv. Tiada sebarang kontrak rasmi dibuat antara Kerajaan dengan pengendali kecuali pengendali VLN.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**MAKLUM BALAS JIM**

- *Prestasi syarikat pengendali perlu dinilai terlebih dahulu sebelum sebarang kontrak dimeterai bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan syarikat pengendali mengekalkan prestasi yang baik sepanjang tempoh kontrak. Pada masa ini KDN dan JIM dalam proses menilai prestasi syarikat pengendali serta memperkemaskan draf perjanjian yang akan ditandatangani selepas urusan penilaian selesai dilaksanakan dan pihak Kerajaan berpuas hati dengan prestasi pelaksanaan oleh pihak pengendali.*
- *KDN telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasaran Draf Kontrak bagi Syarikat-syarikat Pengendali Sistem untuk Jabatan Imigresen Malaysia pada 16 Mac 2016 untuk membincangkan status semasa kontrak-kontrak yang terlibat dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh bahagian/agensi yang berkaitan.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- Pada masa ini, terdapat 10 draf kontrak yang telah diterima, disemak dan dalam tindakan bahagian/agensi yang berkenaan. Kesemua kontrak dijangka dapat dimuktamadkan dan ditandatangani pada bulan Julai 2016.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**GAMBAR 23.7**  
  
Pusat ISC Jakarta, Indonesia  
- Kemudahan Pusat ISC Yang Disediakan Di Jakarta, Indonesia  
(27.10.2015)

**GAMBAR 23.8**  
  
Shrijaya Medical Centre & Polyclinic Kathmandu, Nepal  
- Kemudahan Sistem BioMedical (FWCMB) di Pusat Residensia  
(10.11.2015)

**GAMBAR 23.9**  
  
Pajabat Pengendali Sistem Visa Luar Negera (MLN)  
Kathmandu, Nepal  
- Perkhidmatan Pengurusan Permohonan Visa  
(10.11.2015)

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**PENEMUAN AUDIT**

- Proses kemasukan dan verifikasi biometrik dan pengambilan gambar bakal pekerja asing yang dikendalikan oleh ISC bertindih dengan BioMedical.
- Perbezaannya hanya dari segi pengeluaran sijil ISC oleh S5 Systems Sdn. Bhd. dan sijil kesihatan oleh Bestinet Sdn. Bhd.

**MAKLUM BALAS JIM**

*Objektif kedua-dua kaedah saringan adalah berbeza yang mana ISC lebih fokus terhadap saringan keselamatan manakala BioMedical lebih menjurus kepada saringan kesihatan dan kelayakan untuk bekerja:*

- i. ISC merupakan satu sistem biometrik untuk pengesahan latar belakang dan status bakal pekerja asing di negara sumber. Sistem ini akan menjadi pemeriksaan pertama dan utama yang perlu dilalui oleh setiap bakal pekerja asing sebelum sebarang proses permohonan bekerja dilakukan.*

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
Pelaksanaan myIMMs di Jabatan Imigresen Malaysia

**PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI NEGARA SUMBER**

**MAKLUM BALAS JIM (samb...)**

- ii. Sistem BioMedical membolehkan pemeriksaan ke atas bakal pekerja asing ke Malaysia di pusat perubatan berakreditasi di Negara-Negara Sumber dilakukan dan melibatkan proses Pengesahan Kehadiran & Kelayakan (PKK), pendaftaran maklumat biometrik, demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, dan penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data JIM. Modul ini akan memastikan pekerja yang tiba di Malaysia adalah layak dan bebas dari sebarang penyakit.*

